

**PENERIMAAN MASYARAKAT ORANG ASLI TERMIAR
TERHADAP PEMBANGUNAN MODEN DI KUALA BETIS GUA
MUSANG, KELANTAN**

YAAKOB BIN ARSAT

**PROJEK PENYELIDIKAN INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI SARJANA MUDA PENGAJIAN
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2011/2012

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tarikh**Yaakob B. Arsat****18 Januari 2012****C08A101**

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENGHARGAAN

**Sekalung Budi Seungkap Bahasa
Orang Berbudi Kita Berbahasa**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Penyayang.

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad s.a.w dan keluarganya. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, dengan kudrat iradat-Nya, dengan berkat keizinan-Nya dan dengan titisan Ilmu-Nya jua dapat saya menyiapkan kajian yang bertajuk '*Penerimaan Masyarakat Orang Asli Terhadap Pembangunan Moden, Kuala Betis Gua Musang, Kelantan*'.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dato Dr Adi b. Taha sebagai Penyelia Utama dan juga En. Mohd Hanif bin Yusoff selaku penyelia kedua yang sentiasa prihatin dan penuh ketelitian memberi dorongan, tunjuk ajar, bimbingan dan memberi pelbagai idea bernas sehingga terhasilnya kajian ini, tidak dilupakan juga sekalung penghargaan kepada Dr. Syed Abdullah bin Syed Sulaiman kerana memberi dorongan yang tidak putus-putus dalam penghasilan kajian ini.

Dedikasi yang tidak terhingga kepada para Abi dan Ummi, para Atuk dan Nenek, Abah dan Ummi, juga para Ikhwan, yang aku jejak perjuangannya kerana doa daripada tangan-tangan mereka memudahkan urusan, mencetus titisan lantas melahirkan cebisan kajian. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ibu yang tersayang Salmah binti Mohamed dan bapa yang tercinta Arsat bin Samsuddin yang amat prihatin, memberi suntikan semangat dan membantu saya dalam pelbagai hal bagi memantapkan kajian ini. Cebisan hasilan akan menjadi teladan dan dorongan kepada abangku, kakak-kakak, dan adik-adik yang dirindui, Azwan bin Arsat, Asmalaili binti Arsat, Noor Azlin binti Arsat, Anwar Naimi bin Arsat, Nurul Janah binti Arsat, Abdul Basir bin Arsat, Amirul Solehin bin Arsat. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada Nuraida binti Karim, Tuan Zuraimi binti Tuan Mohamad, Rahifah binti Abdul Rahman, Muhammad Azrul bin Deraman, Nurul Fasiah binti Subakir serta sahabat-sahabat yang banyak membantu dalam menyiapkan kajian ini secara langsung dan tidak langsung.

KELANTAN

ABSTRAK

Kajian ini dibuat ke atas Penerimaan Pembangunan Moden terhadap Masyarakat Orang Asli Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. Objektif kajian adalah mengkaji penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pembangunan moden, mengetahui kesan pembangunan terhadap masyarakat Orang Asli dari aspek, budaya, sosial, dan juga ekonomi dan objektif akhir adalah mengetahui tradisi lama masyarakat Orang Asli adakah dikekalkan oleh generasi muda dalam pembangunan moden. Orang Asli ialah komuniti yang terbukti kaya dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan tentang pengurusan alam semulajadi. Kehebatan komuniti tersebut ternyata berpunca daripada pengaplikasian kebijaksanaan ilmu tradisional yang diwarisi daripada generasi dahulu. Keceriasan cara hidup yang begitu harmoni dengan alam sekitar membolehkan mereka mengenal pasti tanah yang sesuai untuk bertani, hasil hutan yang bermanfaat, dan pemuliharaan yang berkesan demi menghormati sumbangan alam terhadap kehidupan mereka. Menyedari tentang perlunya nilai-nilai dan ilmu pengetahuan tradisi dipertahankan, Kini masyarakat Orang Asli mula berubah dari segi cara hidup mereka akibat kesan secara langsung atau tidak langsung kepada pembangunan moden yang berlaku di sekitar mereka. Justeru itu, kajian ini mengfokuskan penerimaan masyarakat Orang Asli dengan mengambil kira, maklumat dan data diperoleh dengan kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan dengan mengedarkan borang soal selidik dan temubual terhadap responden. Kajian kepustakaan merujuk kepada buku-buku, tesis, kertas kerja dan jurnal yang memperkatakan tentang masyarakat Orang Asli sebagai soroton kajian.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

This study was made on the Acceptance of Modern Development of the Aboriginal community Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. The objective of the study was to review the Aboriginal community acceptance of modern development, knowing the impact of development on indigenous peoples in terms of its cultural, social, and economic and final objective is to know the old tradition of the Aboriginal community is maintained by the younger generation in a modern development. Aboriginal is a proven community rich with knowledge and wisdom of nature management. The greatness of the community appears to result from the application of the wisdom of traditional knowledge inherited from previous generations. Accord way of life in harmony with the environment that allows them to identify suitable land for farming, forest products that are beneficial, and effective conservation of nature in order to respect the contributions of their lives. Recognizing the need for values and traditional knowledge is maintained, now the indigenous people began to change in their lifestyle as a result directly or indirectly to the modern development is going on around them. Therefore, this study focuses acceptance of indigenous peoples, taking into account the information and data obtained by the method of literature review and field work by distributing questionnaires and interviews of the respondent. Research literature refers to books, theses, working papers and journals that deal with the Aboriginal community as a beam study.

KANDUNGAN

PENGAKUAN		ii
PERNGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	5
	1.3 Penyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	10
	1.5 Persoalan Kajian	11
	1.6 Kepentingan Kajian	12
	1.7 Skop Kajian	13
	1.8 Kaedah Kajian	13
	1.9 Rangka Kerja Teoritikal	14
	1.10 Istilah dalam Kajian	16
	1.11 Kesimpulan	17
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	18
	2.2 Pandangan Sarjana	19
	2.3 Kesimpulan	32

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Kaedah Kajian	35
3.4	Prosedur Kajian	36
3.5	Kesimpulan	37
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	38
4.2	Kedudukan Wilayah	41
4.3	Lokasi Rancangan Kuala Betis	46
4.4	Ciri-ciri fizikal Kuala Betis	49
4.5	Pola Penempatan	52
4.6	Analisis Data Borang Soal Selidik	56
4.6.1	Bahagian A (maklumat responden)	56
4.6.2	Bahagian B	63
4.6.2.1	Soalan 1	63
4.6.2.2	Soalan 2	65
4.6.2.3	Soalan 3	67
4.6.2.4	Soalan 4	68
4.6.2.5	Soalan 5	72
4.6.2.6	Soalan 6	74
4.6.2.7	Soalan 7	75
4.6.2.8	Soalan 8	78
4.6.3	Bahagian C	79
4.6.4	Bahagian D	81

	4.7 Kesimpulan	82
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
	5.1 Pengenalan	83
	5.2 Perbincangan	86
	5.3 Cadangan	88
	5.4 Kesimpulan	95
BIBLIOGRAFI		97
LAMPIRAN		101



BAB 1

PENGENALAN

UNIVERSITI

1.1 Pengenalan

Orang Asli merupakan penduduk asal sesebuah negara. Undang-undang 1939 mendefinisikan Orang Asli sebagai orang yang kedua tertua (169). Pada tahun 1954 terbentuk lagi satu Undang-undang yang berkaitan dengan Orang Asli iaitu Ordinan Orang-orang Asli (Aboriginal People's Ordinance). Definisi yang diberikan oleh Ordinan ini berkenaan dengan siapa yang dimaksudkan sebagai Orang Asli lebih jelas dan terperinci.

Menurut Ordinan ini:

- a) Setiap orang yang berketurunan Orang Asli sama ada kepercayaan dari sudut bahasa ataupun sebagainya mengikut keturunan ayahnya.
- b) Setiap orang dari Ras apapun yang diadopsi ketika bayi oleh Orang Asli yang telah dibesarkan sebagai Orang Asli, biasanya berbicara bahasa Orang Asli, biasanya mengikut cara hidup Orang Asli, dan adat serta kepercayaan Orang Asli dan merupakan anggota dari suatu komuniti Orang Asli.
- c) Atau anak dari perkahwinan antara seorang perempuan asli dan seorang lelaki dari Ras yang lain, asalkan anak biasa berbicara bahasa Orang Asli, biasanya mengikut cara hidup Orang Asli, dan adat serta kepercayaan Orang Asli dan tetap merupakan komuniti Orang Asli.

Walaupun bagaimanapun, istilah Orang Asli ini sebenarnya banyak menimbulkan persoalan pada masa kini, ia kerana masyarakat Orang Asli banyak menimbulkan kontroversi dari segi penghidupan mereka, ada sesetengah masyarakat yang memandang masyarakat Orang Asli hidup daif diselubungi dengan kemiskinan dan jauh lebih mundur. Sejarah menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli terutamanya puak Negrito telah sampai ke Malaysia kira-kira 25 000 tahun dahulu. Diikuti kemudiannya oleh kumpulan Orang Senoi telah sampai ke sini sekitar 6000-8000 tahun yang lalu dan barulah kumpulan Melayu Asli yang sampai sekitar 4000 tahun kemudian. Umumnya terdapat dua kenyataan yang mengisahkan bagaimana Orang Asli ini boleh menetap di Hutan. Dari segi teori pensejarahan dikenalpasti bahawa kedatangan kumpulan, baru yang dikenali sebagai Melayu Deurto telah menyebabkan kumpulan manusia pertama lari ke hutan dan menetap di hutan tersebut hinggalah ke

hari ini, berbahasa, halus tutur katanya serta mempunyai persamaan dengan bahasa zaman feudal. Pada zaman dahulu dikatakan bahawa masyarakat Orang Asli bijak kerana mereka telah mencipta pelbagai peralatan seperti peralatan memburu, memasak, dan sebagainya. Menurut epik atau cerita mitos dahulu masyarakat Orang Asli lebih bijak mencipta peralatan seperti ini tanpa menggunakan teknologi yang canggih. Ikhtiar hidup mereka amat kuat dan mendalam sehinggakan mereka menjadi penghuni tetap didalam hutan rimba. Masyarakat Orang Asli juga telah mempunyai semangat sipiritual yang kuat dengan mereka mempunyai pegangan agama, atau kepercayaan yang kuat, dalam hal ini menimbulkan kerjasama yang kuat dikalangan anak buah mereka. Pada masa yang sama mereka juga mempunyai sistem masyarakat seperti ketua yang mengawal anak-anak buah mereka. Hal ini, menunjukkan bahawa mereka telah mewujudkan undang-undang di kalangan masyarakat mereka.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia menyenaraikan terdapat 7 suku kaum bangsa Negrito iaitu Kensiu, Kintaq, Lanoh, Jahal, Mendriq, dan Bateq yang masing-masing mendiami beberapa buah negeri di Malaysia antaranya adalah Kedah, Perak, Kelantan, Pahang, dan lain-lain negeri di Semenanjung. Purata jumlah suku bangsa Negrito adalah 3671 ribu orang. Suku Kaum Senoi mempunyai enam suku kaum kecil iaitu Termiar, Semai, Semoq Beri, Che Wong, Jah Hut, dan Mah Meri, suku bangsa Senoi mendiami beberapa negeri di Malaysia antaranya adalah Perak, Kelantan, Pahang, Selangor dan beberapa buah negeri di semenanjung Malaysia anggaran jumlah suku bangsa Senoi di Malaysia adalah sebanyak 79 156 ribu orang. Suku Bangsa Melayu Asli mempunyai 6 pecahan kecil yang terdiri daripada kaum Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala, dan Orang Seleta, suku bangsa Melayu Asli mendiami beberapa buah negeri di semenanjung Malaysia antaranya Johor,

Negeri Sembilan, Selangor, Pahang dan beberapa buah negara di semenanjung Malaysia, anggaran jumlah penduduk Melayu Asli adalah berjumlah 58 403 ribu orang.

The temiar are a racially very mixed people of basically proto malaysian affinities (Hughes 1963:74; 1965:121-2) who straddle the central mountainous divide between the States of Perak and Kelantan in Northern Malaya (Holman 1958: Frontispiece). Their language is one of a whole group of Malayan aboriginal language(and somewhat of lingua franca among them) that belong to the Austroasiatic-Vietnamese-Muong(AVM) language family (Zide 1966: 7), and is therefore Quite distinct from Malay and its cognates (despite a certain amount of borrowing from them). Temiar villages are riverain in distribution and consist of small semi-permanent settlements gaining their livelihood by swidden cultivation of root-crops (cassava) and a smaller amount of grain-crops (millet,maize,hill-rice), supplemented by much fishing and haunting. The total population of about 10 000 is spread over about 2 500 square miles of territory occupied in historic times almost entirely by Termiar; on the periphery though, there has been certain amount of territorial exchange with both upland Malays and other Aboriginal tribes (Negritos and Semai).

In the earlier literature the Temiar were generally subsumed under the term “northern Sakai” (Skeat and Blagden 1906; Wilkinson 1910): sometimes they were “Orang Sakai” par excellence (Saint-Pol Lias 1983-the most readable and reliable of the very early accounts).

(Geoffrey Benjamin : 1)

Disebabkan pelbagai suku kaum di kalangan masyarakat Orang Asli, terdapat banyak perbezaan dari segi cara hidup dan pertuturan bahasa yang digunakan. Kebudayaan dan adat resam mereka juga berbeza-beza dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Bilangan mereka yang kecil menyebabkan kedudukan dan kepentingan mereka dalam politik negara mudah dipinggirkan. Oleh itu, mereka terus terpinggir daripada masyarakat aliran perdana. Oleh yang demikian, telah banyak kajian terhadap Orang Asli di Malaysia ini dari pelbagai aspek dan dasar-dasar yang boleh meningkatkan taraf hidup Orang Asli perlu dilaksanakan supaya jurang antara kelompok minoriti dapat dirapatkan. Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji tentang masyarakat Orang Asli dari suku kaum Termiar tentang penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pembangunan dalam era globalisasi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pembangunan sosial merujuk kepada suatu proses perubahan dan pembabitan yang tersusun, bertujuan untuk mensejahteraan penduduk di kawasan penempatan tanpa mengabaikan generasi akan datang. Prinsip ini sesuai dengan matlamat pembangunan di negara ini. Penilaian dampak sosial (PDS) digunakan untuk menilai kesan-kesan negatif dan positif yang mungkin berlaku ekoran dari sesuatu program pembangunan. PDS berdasarkan penilaian dampak alam sekitar (EIA-Environmental Impact Assessment) yang telah mula dilaksanakan sejak akhir tahun 1980-an.

Daripada satu badan kerajaan yang rendah, kerajaan tempatan sepatutnya dilihat sebagai satu badan yang tinggi dari segi penyediaan perkhidmatan dan keperluan masyarakat. Penglibatan rakyat di peringkat akar umbi dan maklum balas

mereka adalah kunci utama kepada urus tadbir yang baik, ini amat penting kerana belum ada lagi pihak berkuasa tempatan yang dipilih rakyat.

Dampak Sosial terbahagi kepada aspek sosial dan kebudayaan. Aspek sosial meliputi:

- a) Kependudukan
- b) Struktur masyarakat atau komuniti
- c) Ciri-ciri ekonomi masyarakat
- d) Keperluan infrastruktur
- e) Ciri-ciri individu dan kekeluargaan
- f) Aspek kebudayaan mencakupi norma, nilai dan kepercayaan.

Dalam ilmu psikologi sosial, konsep pengaruh sosial sebagaimana mengikut Baron dan Bryne (1981) merujuk kepada sebarang tindakan yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang yang berubah sikap, tingkah laku atau perasaan orang lain. Definisi yang lebih kurang sama diberikan oleh Tedeshi *et al.* (1985), yang menyatakan pengaruh sosial merujuk kepada perubahan tingkah laku, niat, kepercayaan, atau nilai seseorang akibat daripada campur tangan orang lain.

Pengaruh sosial tidak semestinya berlaku secara sehalu. Pengaruh-mempengaruhi di kalangan manusia lazimnya terjadi melalui kontak sosial antara mereka. Misalnya, bukan sahaja ibu bapa mengenakan pengaruh besar kepada anak-anak mereka, tetapi anak-anak juga berupaya mempengaruhi kehidupan mereka. (Ma'rof Redzuan: 138 dan 139)

Struktur budaya masyarakat Orang Asli menggambarkan sesuatu suku kaum masyarakat Orang Asli itu, menurut kamus dewan budaya bermaksud tamadun atau peradaban. Kemajuan budaya boleh diukur dengan peredaran masa atau zaman

sesuatu masyarakat dianggap tinggi budayanya apabila mereka mengikut peredaran masa.

Bagi masyarakat Orang Asli, mereka telah mengalami tranfomasi apabila adanya sistem komunikasi seperti jalan raya, kemudahan satelit, seperti telefon bimbit. Masyarakat Orang Asli mengalami perubahan budaya apabila adanya sistem hubungan luar dan mengalami perubahan dari segi pemakaian, disebabkan sistem hubungan luar terjadi. Masyarakat Orang Asli mengekalkan penggunaan khidmat “Tok Batin” dalam upacara sipiritual, perkahwinan dan sebagainya.

Program BELB dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan kemudahan bekalan elektrik ke rumah-rumah di kampung tradisional di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara termasuklah rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman negeri Sabah dan Sarawak, perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, perkampungan di pulau-pulau serta penempatan di estet-estet kecil berkeluasan kurang dari 400 hektar (kurang 1,000 hektar).

Program BELB dilaksanakan melalui dua kaedah; pertama melalui kaedah sambungan talian grid dari punca-punca bekalan Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi Semenanjung Malaysia, Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB) bagi negeri Sabah dan Sarawak Electricity Supply Corporation (SESCO) bagi negeri Sarawak. Bagi kawasan-kawasan pedalaman yang tidak kesampaian serta tidak ekonomik untuk disambung menggunakan talian grid akan diberi bekalan elektrik menggunakan kaedah alternatif seperti solar, set generator, solar hibrid dan sebagainya.

Mulai tahun 1998, Kerajaan telah menubuhkan tabung Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK). Dana akaun ini disumbangkan oleh semua Penjana Kuasa Bebas (IPP) yang beroperasi di Semenanjung Malaysia. 60% daripada tabung akaun ini dibelanjakan bagi melaksanakan program BELB (di bawah KKLW, TNB dan sebagainya.)

Dengan adanya tabung AAIBE, semua projek BELB talian grid serta projek solar hibrid di Semenanjung Malaysia dibiayai menggunakan peruntukan tersebut. Peruntukan pembangunan BELB Semenanjung Malaysia digunakan untuk membiayai pelaksanaan projek alternatif lainnya, kos operasi dan penyenggaraan projek alternatif (selain solar hibrid), kos pemasangan projek LJK, kos operasi dan penyenggaraan LJK serta kos khidmat perunding. Lebih peruntukan sekiranya ada dipindah ke negeri Sabah serta Sarawak bertujuan mengimbangi jurang ketidaksamaan liputan di antara Semenanjung dengan kedua-dua negeri tersebut.

Projek pengumpulan semula (RPS) ini dimulakan pada tahun 1980 (RMKe-4), keputusan kabinet bertujuan pada asalnya membendung kegiatan anasir subversif (komunis) yang mempengaruhi Orang Asli di kawasan pedalaman. Rancangan ini banyak melibatkan perpindahan Orang Asli ke lokasi baru dari penempatan asal. Sejumlah 17 lokasi RPS iaitu 6 di Negeri Perak, 7 di Negeri Pahang, 3 di Negeri Kelantan dan 1 di Negeri Johor (RPS Kudung dibangunkan oleh YPJC).

Antara insentif dan projek pembangunan yang disalurkan menerusi RPS ialah penyediaan rumah kediaman kepada peserta program, pembangunan infrastruktur dan prasarana secara bersepadu serta program tanaman komersial seperti kelapa sawit dan getah. Menerusi tanaman komersial tersebut peserta bukan sahaja menerima dividen

menerusi hasil ladang malah turut diberi peluang untuk terlibat secara langsung sebagai pekerja ladang.

Sebanyak 217 buah kampung Orang Asli (12, 264 KIR) telah terlibat dengan pelaksanaan PSK JHEOA yang telah diluluskan pada tahun 1999 (RMK7). Pelaksanaannya adalah bertujuan untuk menaik taraf infrastruktur kampung dan kemudahan awam, keperluan asas dan projek pembangunan tanah seperti tanaman sawit dan getah bagi meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Peserta-peserta PSK turut menerima insentif dan kemudahan seperti mana yang dinikmati oleh peserta RPS.

Jabatan ini juga telah melaksanakan projek Rancangan Kampung Baru di kawasan keselamatan yang bersempadan dengan Thailand (KESBAN). Program ini khusus untuk membangun dan menjaga kebajikan masyarakat Orang Asli yang mana kampung mereka berada di kawasan berkenaan. Peserta RKB juga turut menikmati insentif dan kemudahan sama seperti peserta RPS dan PSK.

(Sumber: Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli)

1.3 Penyataan Masalah

Dalam kajian ini, kebudayaan ialah elemen yang penting dalam sesuatu organisasi masyarakat, kebudayaan mencorakan sesuatu masyarakat itu. Elemen kebudayaan terbahagi kepada 3 bahagian iaitu elemen budaya bukan material, budaya material, dan juga cultural lag. Dari sudut ini, kajian ini menfokuskan budaya Masyarakat Orang

Asli dari sudut bukan material. Di samping itu, dalam era globalisasi Masyarakat Orang Asli sering terdedah dengan perubahan budaya. Menurut JHEOA juga akan menaik taraf jalan kampung, membina balai raya, dewan serba guna, bekalan air paip dan elektrik di perkampungan Orang Asli yang berhampiran dengan kampung tradisional atau tanah rancangan Felda. "Kerajaan tidak akan meminggirkan masyarakat Orang Asli, malah mahu lebih ramai kalangan anak-anak dan belia mereka diberikan pendidikan serta latihan kemahiran seperti yang dinikmati kaum lain," (Jabatan Hal ehwal Orang Asli). Perubahan yang berlaku ini menyebabkan masyarakat Orang Asli mengalami perubahan budaya dalam kajian ini memperlihatkan unsur pengekalan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli Termiar.

1.4 Objektif kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif kajian yang ingin dikaji dalam mengkaji penerimaan Masyarakat Orang Asli terhadap pembangunan moden.

- Mengkaji penerimaan Masyarakat Orang Asli terhadap pembangunan moden.
- Mengetahui kesan yang berlaku sekiranya pembangunan moden berlaku di kawasan mereka merangkumi aspek budaya, sosial, ekonomi.
- Mengetahui tradisi masyarakat Orang Asli Termiar dikekalkan oleh generasi muda atau sebaliknya dalam pembangunan moden.

1.5 Persoalan kajian

- **Adakah masyarakat Orang Asli menerima pembangunan moden?**
Dalam era pembangunan moden ini sejauh mana masyarakat Orang Asli menerima pembangunan moden ini. Sejauhmanakah masyarakat orang asli Termiar mengekalkan unsur tradisi ini dalam era globalisasi.
- **Adakah pembangunan memberi kesan kepada masyarakat Orang Asli?**
Masyarakat Orang Asli Termiar menjalankan aktiviti seperti memburu, memugut hasil hutan, menangkap ikan dan sebagainya apakah pembangunan dapat memberi kesan kepada penghidupan mereka.
- **Adakah tradisi masyarakat Orang Asli Termiar dikekalkan oleh generasi muda dalam era globalisasi?**
Isu ini mengupas mengenai golongan muda masyarakat orang asli adakah mereka akan meneruskan tradisi mereka dalam era globalisasi

1.6 Kepentingan Kajian

Dalam setiap kajian yang dilakukan, terdapat banyak kepentingan yang dapat disumbangkan kepada individu, masyarakat, institusi, dan negara.

- **Individu**
Kepentingan terhadap individu adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada individu tentang kebudayaan bukan material

masyarakat Orang Asli Termiar dan adakah ia dikekalkan pada masa kini.

- **Masyarakat**

Memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang tradisi yang ada dalam masyarakat Orang Asli khususnya kaum Termiar. Disamping memberi pengetahuan yang berguna untuk rujukan masyarakat.

- **Institusi**

Kepentingan kajian kepada institusi adalah menjadi rujukan kepada pelajar untuk membuat kajian lanjut berkaitan dengan masyarakat Orang Asli kaum Termiar.

- **Negara**

Kepentingan kajian ini penting bagi negara kerana menjadi khazanah penyimpanan untuk negara dan menjadi rujukan kepada negara lain tentang keistimewaan masyarakat orang asli di Malaysia.

1.7 Skop kajian

Kajian ini tertumpu kepada unsur penerimaan Masyarakat Orang Asli terhadap pembangunan moden, di beberapa buah perkampungan Orang Asli yang terletak di Kuala Betis Gua Musang. Dalam kajian ini tertumpu kepada kesan terhadap budaya dan ekonomi Masyarakat Orang Asli.

1.8 Kaedah kajian

Sebelum, semasa dan selepas kajian yang dibuat, pengkaji akan menjalankan beberapa kaedah dalam mengumpul maklumat kajian yang dibuat.

- **Rujukan Pustaka**

Kaedah melalui buku juga merupakan salah satu kaedah yang sangat penting dalam setiap kajian. Hal ini kerana buku adalah bahan bagi menambahkan ilmu pengetahuan. Dengan kaedah yang dibuat ini, dapat memperincikan lagi maklumat yang ada.

- **Kajian Lapangan**

Kajian lapangan dilakukan dengan menemubual dan mengedarkan borang soal selidik kepada masyarakat Orang Asli Termiar berkaitan dengan penerimaan pembangunan moden kepada masyarakat Orang Asli yang terdapat sehingga kini.

- **Internet**

Selain itu juga, kaedah melalui internet turut menjadi pilihan pengkaji dalam memperlengkapkan lagi tentang fakta-fakta penting dalam kajian. Rujukan internet penting, bagi memastikan maklumat yang diperolehi tepat.

1.9 Rangka Kerja Teoritikal

Semasa kajian dijalankan, terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan mendalam.

1.9.1 Data Premier

Apa yang dimaksudkan oleh dapatan data premier ini adalah maklumat yang diperoleh secara mentah. Terdapat beberapa cara yang digunakan bagi mendapatkan data premier ini.

- **Mendapatkan Bahan Pengumpul**

Kaedah ini digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan bahan yang tulen daripada pengumpul dan mendapatkan sedikit infomasi tentang Orang Asli Termiar.

- **Pengalaman**

Dalam hal ini, data ini diperoleh melalui pengalaman pengkaji itu sendiri. Hal ini merangkumi, pengamatan pengkaji itu sendiri.

- **Pembacaan**

Melalui ini pengkaji membuat bacaan daripada buku-buku yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli. Dalam pembacaan ini mementingkan isi-isi yang berkaitan dengan pembangunan

yang berlaku kepada Masyarakat Orang Asli dan kesan kepada komuniti itu.

1.9.2 Data sekunder

Maksud data sekunder ini pula adalah rujukan daripada individual atau kumpulan lain yang telah dan pernah membuat kajian terhadap tajuk yang sama.

- Kertas kerja

Pengkaji mengutip maklumat daripada kertas kerja lain dan memasukkan dapatan data ini ke dalam kajian yang dilakukan.

- Akhbar

Dalam akhbar harian ataupun mingguan, terdapat juga maklumat yang diberikan secara umum. Maklumat ini dapat dikutip dan dijadikan sebagai rujukan dalam kajian.

- Majalah

Kebiasaanya, maklumat yang dipaparkan dalam majalah ini lebih terperinci dan teratur berbanding dengan maklumat yang dinyatakan di dalam akhbar. Maklumat ini boleh diambil sebagai panduan pengkaji dalam melakukan kajian.

1.10 Istilah dalam kajian

Dalam kajian yang dibuat, setiap perkataan yang dijadikan tajuk mempunyai maksudnya yang tersendiri.

- **Kepupusan**
Dalam biologi dan ekologi, kepupusan bermaksud kematian suatu spesies atau kumpulan dari muka bumi ini. Kepupusan juga diertikan sebagai kekurangan ataupun ketiadaan penyambung variasi daripada warisan yang terdahulu.
- **Budaya bukan material**
Budaya bukan material ialah mencerminkan aspek intangible atau idea abstrak yang dibentuk oleh ahli dalam masyarakat.
- **Kekal**
Sesuatu material atau kebudayaan yang dapat dipertahankan melalui generasi ke generasi.

1.11 Kesimpulan

Jadi, secara keseluruhannya dalam bab ini, pengkaji telah memperkenalkan tajuk kajian serta menjelaskan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kaedah yang akan digunakan dalam kajian, kepentingan kajian dan rangka kerja teorikal yang akan digunakan dalam kajian ini. Di samping itu juga, pengkaji dan masyarakat dapat mengetahui penerimaan pembangunan moden terhadap Masyarakat Orang Asli khususnya Masyarakat Orang Asli Termiar di Kuala Betis Gua Musang.



BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

UNIVERSITI

2.1 Pengenalan

Terdapat banyak kajian yang dijalankan oleh para sarjana sama ada tentang Masyarakat Peribumi di Malaysia. Di Malaysia terdapat banyak kaum Orang Asli yang dijadikan untuk kajian sama ada daripada sarjana barat atau tempatan.

MALAYSIA
KELANTAN

2.2 Pandangan Sarjana

Konsep pembangunan bagi Orang Asli bertindan lapis dengan perubahan sosial. Campur tangan kerajaan secara langsung dalam kehidupan Orang Asli telah bermula zaman darurat lagi dan memainkan peranan penting sebagai agen perubahan. Semasa darurat diisytiharkan pada 1948, kesemua perkampungan Orang Asli di kawasan pendalaman Orang Asli dilarang masuk kepada orang luar kecuali anggota-anggota pasukan keselamatan dan kakitangan kerajaan dibenarkan kerana kawasan tersebut terletak dikawasan hitam (Juli Edo,2006: 189-192)

Setelah itu, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan masyarakat Orang Asli, JHEOA telah ditubuhkan pada 1953 dengan tujuan memastikan keselamatan negara dari ancaman Gerila Komunis. Dasar awal pembangunan Orang Asli adalah berkait rapat dengan perang saraf menentang pengaruh Komunis. Dasar yang berpayungkan isu keselamatan dalam negeri ini berterusan hingga tahun 1990 selepas Chin Peng menandatangani pengisytiharaan damai kepada kerajaan Malaysia. Di sepanjang tempoh ini (1954-1990), pengubalan dasar dan pelaksanaan pembangunan tertumpu pada usaha untuk memujuk Orang Asli supaya sentiasa berpihak pada kerajaan (Juli Edo,2006)

Siti Nor Awang dan Juli Edo (2003: 278), umumnya masyarakat Orang Asli telah terdedah kepada dua bentuk pembangunan. Pertama pembangunan yang dirancang khas untuk masyarakat ini dan yang keduanya pembangunan umum. Pembangunan khusus meliputi program pembangunan tanah, pembangunan

perusahaan dan industri, bimbingan usahawan, perternakan dan perikanan, pembelian serta jentera pertanian. Ia termasuk juga penyediaan prasarana, pendidikan dan kegiatan ekonomi.

Pembangunan umum merujuk kepada program pembangunan yang dilaksanakan untuk pembangunan kawasan dan wilayah dan ia dilaksanakan secara menyeluruh tanpa mengira kumpulan masyarakat. Sebaliknya semua anggota masyarakat dijangka mendapat bekalan air bersih, kemudahan telefon, jalan raya, sistem pengangkutan dan sebagainya. Secara khususnya, Siti Nor Awang dan Juli Edo (2003); Juli Edo (2006) menyatakan bahawa pembangunan Orang Asli tertumpu pada dua teras utama iaitu pembangunan ekonomi dan sosial, dengan pembangunan kerohanian sebagai tambahan.

Jika diperhalusi, pembangunan komuniti mempunyai pengertian yang luas dan boleh dikatakan merakumi semua aspek kehidupan tidak kiralah dari segi ekonomi, sosial, alam sekitar mahupun politik. Kamus Oxford (2004), mendefinisikan perkataan 'community' sebagai satu kumpulan manusia yang tinggal di satu tempat secara bersama dan mempunyai kepentingan. Menurut kamus Longman (2000), 'community' ialah sekelompok manusia manusia yang tinggal di dalam suatu kawasan yang sama;berkongsi kerakyatan atau agama atau mempunyai kesamaan dalam sesuatu keadaan. Manakala Effat (2001), menyatakan komuniti merupakan sebuah kumpulan manusia yang berkongsi berbagai aspek institusi seperti ekonomi, politik, sosial dan corak kehidupan yang serupa seperti etnik, pekerjaan, gaya hidup, lokasi dan perumahan. Kumpulan komuniti ini berusaha untuk menjalinkan interaksi dan perpaduan terhadap ahli-ahli yang lain, mewujudkan jalinan persahabatan, boleh

berkongsi minat yang sama dan boleh bersama mengambil bahagian dalam pertumbuhan yang sama.

Komuniti tidak hanya terdiri daripada ciri fizikal, yakni manusia, habitat dan corak ekonomi sahaja malahan lebih daripada itu. Pembangunan komuniti pula, boleh didefinisikan sebagai tindakan suatu kumpulan atau komuniti yang berbentuk suatu kuasa dan mempunyai tingkat parioriti dengan kerjasama bagi mencapai matlamat dalam pembangunan tersebut. Klein(1988), mendefinisikan komuniti sebagai interaksi yang berbentuk dalam sekumpulan individu yang saling memerlukan keselamatan diri dan tempat tinggal dari sebarang jenayah, yang dapat diberikan sokongan diwaktu kesusahan dan untuk mencapai kejayaan diri serta kepentingan dalam peredaran hidup. Manakala, Rew Alan dan Martin Rew (2003), mendapati bahawa implementasi di luar kawasan pembangunan terhadap komuniti dan juga tempat lahir menjadi satu barang kemewahan atau sukar diperolehi apabila penduduk tersebut terpaksa berpindah atau berusaha untuk hidup.

Aspek pembangunan komuniti yang dinilai dalam sebuah masyarakat adalah dilihat dari segi pembangunan infrastruktur, tingkat keselamatan dan lain-lain yang menyumbangkan kearah pembangunan masyarakat yang lebih baik. Kesan pembangunan moden ke atas Masyarakat Orang Asli dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu pembangunan moden yang memberikan impak positif dan pembangunan moden yang memberikan impak negatif komuniti masyarakat. Pembangunan moden dari sudut positif dapat dilihat daripada penyediaan kemudahan asas yang meningkatkan taraf hidup masyarakat contohnya pembinaan sekolah akan membentuk masyarakat Orang Asli yang berpengetahuan yang dapat meletakkan Masyarakat Orang Asli sebagai salah satu daripada masyarakat yang celik ilmu dan bukannya

masyarakat yang buta huruf. Manakala pembangunan dari sudut negatif pula memberi kesan buruk terhadap komuniti masyarakat itu sendiri di mana nilai-nilai, adat dan norma –norma yang diwarisi turun temurun akan terhakis oleh arus kemodenan yang menyerap masuk dalam kehidupan seharian masyarakat.

Penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pada tahun 1950-an telah membawa banyak perubahan dimana matlamat utama jabatan ini adalah untuk menginteragasikan komuniti Orang Asli dengan komuniti lain di seluruh Malaysia. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi memastikan komuniti ini mampu bersaing dan menikmati kemajuan serta kemakmuran yang saksama dengan komuniti lain di Malaysia. Nik Mohd Zain Yussoff (1989), menyatakan terdapat empat matlamat utama pembangunan komuniti Orang Asli iaitu, membangunkan integrasi sistem nilai dan tata tertib : pembangunan ekonomi ; keselamatan di kawasan pedalaman dan ; perkhidmatan sosial, pelajaran kesihatan, keselamatan sosial serta kebajikan. Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) memberikan penekanan kepada perlaksanaan bersepadu pihak kerajaan terhadap pembangunan komuniti Masyarakat Orang Asli melalui keutamaan kepada sektor ekonomi dan pembangunan sosio budaya terutamanya. Pembinaan kemudahan awam serta penempatan semula komuniti Orang Asli membawa impak yang besar kepada perubahan sosio budaya serta aktiviti ekonomi masyarakat tersebut.

Keprihatinan kerajaan ini diteruskan sehingga kini apabila lebih banyak peruntukan disediakan untuk membangunkan di bawah pengurusan dan pemantauan oleh JHEOA. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9), memberi penekanan usaha untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti ini melalui program sosioekonomi termasuklah penyediaan pendidikan dan latihan kemahiran, kemudahan infrastruktur dan

sebagainya. Peruntukan pembangunan untuk komuniti ini bagi program pengagihan dalam tempoh RMK -9 (2006-2010) adalah sebanyak RM 361.8 juta. Kerancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi tujuan kemajuan komuniti Orang Asli telah menimbulkan pelbagai persoalan yang rata-rata berkisar kepada situasi yang sama.

Persoalan yang sering kedengaran adalah, adakah komuniti ini merestui usaha-usaha bagi memodenkan mereka yang telah membawa mereka keluar dari tempat asal mereka (*Natural Habitat*). Jika mereka merestui sekalipun, adakah pembangunan moden yang berlaku kini memberi impak kepada pembangunan komuniti mereka terutamanya dalam konteks sosioekonomi. Keadaan ini telah menimbulkan permasalahan kepada pihak kerajaan dalam memastikan momentum pembangunan adalah relevan dengan kehendak Orang Asli.

Beberapa kajian mendapati pembangunan yang berlaku di persekitaran sesebuah masyarakat telah memberikan kesan positif dan negatif bergantung kepada penerimaan masyarakat tersebut. Menurut Paul Kishindo (2001), melihat kepada program yang dijalankan oleh pihak kerajaan Malawi dalam sosioekonomi dalam meningkatkan pembangunan komuniti masyarakat tersebut dibawah bantuan MASAF (Malawi Social Action Fund) yang ternyata berjaya meningkatkan pembangunan komuniti masyarakat tersebut. Penulis juga melihat kepada aspek infrastruktur yang dibangunkan oleh kerajaan dalam mempengaruhi pembangunan komuniti. Impak pembangunan terhadap perubahan sesebuah jelas dapat dilihat melalui kajian Stephen Duncombe (2007) di mana beliau melihat kepada kesan perubahan yang negatif dan positif dalam budaya contohnya “colonization” memberi kesan terhadap pembangunan komuniti diseluruh dunia tidak kiralah kesan besifat baik atau sebaliknya. Keadaan ini

turut dialami oleh komuniti Orang Asli di mana menurut, Love M.Chile dan Gareth Simpson (2004), yang mengkaji hubungan antara faktor spiritual dengan pembangunan komuniti. Hasil yang diperolehi adalah enam dimensi pembangunan komuniti iaitu ekonomi, sosial, politik, spiritual, budaya dan alam sekitar berkait rapat dengan nilai kerohanian yang holistik, mapan dalam keadilan sosial dan juga pembangunan. Manakala Hanafiah Arshad(1989), mencadangkan beberapa perubahan perlu dilakukan bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan tidak menjauhi norma-norma serta kebudayaan komuniti Orang asli. Beliau menyatakan perancangan tersusun serta terperinci hendaklah dilaksanakan bagi memastikan jaminan sosial masyarakat Orang Asli untuk hidup lebih baik. Program yang dilaksanakan perlu mengambil contoh daripada penyusunan semula kaum-kaum yang mundur contohnya masyarakat Melayu suatu ketika dahulu. Penekanan haruslah diberikan kepada aspek pendidikan dan kesihatan dengan pembangunan infrastruktur yang lengkap. Kerajaan juga disarankan memperkenalkan sistem ekonomi yang lebih kukuh seperti pembangunan dalam sektor pertanian dengan bantuan khas melalui pinjaman dan program berbentuk latihan.

Dalam tajuk ini pengkaji akan membincangkan mengenai konsep-konsep utama yang berkaitan dengan kajian ini. Konsep-konsep tersebut ialah konsep pembangunan, pendekatan teori pembangunan dan konsep atau takrif sebenar Orang Asli.

Umumnya, istilah pembangunan mempunyai banyak pengertian. Aspek-aspek yang berkaitan pembangunan sering menjadi topik perbincangan oleh beberapa sarjana yang terkenal, sama ada dari Barat, Islam dan tempatan. Pembangunan dianggap satu perkara yang amat penting pada masa kini kerana ia adalah ukuran

kepada pemodenan dan kemajuan Negara. Konsep pembangunan umumnya merujuk kepada proses membangun atau mencapai kemajuan (Kamus Dewan,1989:93).

Dalam pengertian paling mudah, pembangunan membawa maksud suatu kebaikan yang melahirkan kualiti kehidupan yang lebih baik ke atas individu dan masyarakat. Ia dilihat sebagai suatu proses yang menuju kearah pertumbuhan yang dapat mengubah keadaan sesuatu kawasan atau masyarakat (Rohana Yusuf:1996)

Menurut seorang sarjana Barat yang dikenali sebagai Alion Birou (1996), mengatakan bahawa pembangunan merupakan suatu kebaikan yang diterima oleh individu atau masyarakat. Selain itu, beliau juga berpendapat bahawa pembangunan adalah kemajuan dari segi ekonomi dan sosial dalam sesebuah masyarakat. Pandangan ini terpancar dari definisi pembangunan yang diberikan dalam rencananya bertajuk, *Towards a Re-Definition of Development (1996)*

Selain itu, terdapat juga beberapa sarjana lain yang memberi pengertian pembangunan dari pelbagai perspektif, ini termasuklah sarjana-sarjana dalam bidang sosiologi, ekonomi, politik dan sebagainya. Misalnya, Hagen (1978) pembangunan dari sudut ekonomi dilihat sebagai pembangunan yang menekankan kepada penambahan dalam pengeluaran dan produktiviti negara, bermakna seandainya sesebuah negara itu mempunyai kadar pengeluaran dan pendapat negara yang tinggi, maka ia dapat dikategorikan sebagai sebuah negara yang telah mencapai pembangunan dan kemajuan.

Pembangunan turut melibatkan proses transformasi daripada satu situasi kepada situasi yang lain, yang dianggap lebih baik daripada sebelumnya. Justeru pembangunan telah diertikan dengan beberapa istilah yang lain seperti modenisasi,

urbanisasi, industrialisasi, globalisasi dan sebagainya. Dengan ini, isu pembangunan yang ingin dibincangkan ialah mengenai pembangunan masyarakat Orang Asli itu sendiri, pembangunan merujuk kepada perubahan dari semua bidang yang terdapat dalam masyarakat ini, termasuklah bidang ekonomi, sosial, politik, dan sebagainya. Sekiranya masyarakat Orang Asli masih mengamalkan unsur-unsur dan amalan tradisional, ia dianggap tidak mencapai ke tahap pembangunan.

Ahli-ahli radikal berpendapat, sistem sosial yang sedia ada dilihat tidak mendatangkan pembangunan kepada semua, sebaliknya hanya menguntungkan golongan yang tertentu sahaja. Tokoh yang dianggap terkenal dalam mengutarakan pendekatan ini ialah Karl Marx (1976), Lenin(1966), Frank(1971), serta beberapa tokoh lain. Fokus utama dalam membicarakan perspektif radikal yang diketemukan oleh Karl Marx, ialah telah perkembangan kapitalis dalam pembentukan masyarakat pinggir. Menurut Azarina(2003) Karl Marx mengatakan sistem kapitalis adalah satu tenaga 'progresif' dan perluasannya ke negara-negara mundur dijangka akan memusnahkan semua ragam pengeluaran pra-kapitalis seperti yang berlaku di Eropah Barat.

Jika dilihat dalam konteks masyarakat Orang Asli di Negara ini, sememangnya unsur kapitalis telah menyerap masuk ke dalam semua aspek kehidupan mereka. Keadaan ini disebabkan oleh pelaksanaan program pembangunan yang telah dilaksanakan sejak bermulannya zaman penjajahan sehinggalah ke hari ini. Tetapi walaupun didapati banyak program pembangunan dan pemodenan telah disalurkan ke dalam masyarakat, mereka masih lagi dianggap masyarakat yang mundur. Di sini timbul persoalan adakah masyarakat Orang Asli menerima pembangunan atau mereka tidak selesa akan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Di Malaysia, Usaha Kerajaan dalam Pembangunan Orang Asli dilakukan bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak dipinggirkan. Menurut YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin dalam ucapannya Beliau berkata:

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin, Timbalan Menteri berkata bahawa Kerajaan Pusat memperuntukan RM 10.8 juta bagi kebajikan masyarakat Orang Asli di Gua Musang.

Beliau berkata demikian di Program Mesra Minda bersama Masyarakat Orang Asli di Pos Brooke pada 27 oktober yang lalu. Peruntukan tersebut yang disalurkan melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) itu termasuk pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) melibatkan kos RM 7.2 juta di Galas.

Beliau berkata, sebanyak 250 unit rumah Orang Asli turut dikenalpasti bagi dibaik pulih kerana mengalami masalah seperti kerosakan bumbung dan lantai.

Katannya 30 generator dan 75 unit alat tenaga solar juga akan dibekalkan di kawasan penempatan Orang Asli selain bantuan 100 000 benih pokok getah untuk meningkatkan pendapatan mereka. Pada majlis tersebut Tan Sri Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran, bersetuju secara prinsipnya untuk membina sebuah sekolah menengah di Pos Brooke bagi kemudahan masyarakat setempat dan sekitarnya.

(Buletin Asli Bil.3.2010: hal,06)

Masyarakat Orang Asli merupakan penduduk yang mula-mula sekali tinggal di Tanah Melayu (Carey, 1976, 5). Dunn, dalam tulisannya mengenai aktiviti ekonomi komuniti ialah menyatakan komuniti ini telah pun menjalankan kegiatan perniagaan

dengan masyarakat luar pada abad ke -5. Dunn menyatakan komuniti ini telah mendiami kawasan ini sebelum itu lagi. Sejak 25 000 tahun dahulu pengkaji menyatakan bahawa komuniti ini telah Negara ini (Carey,1976,13). Nicholas N.Dodge pula menyatakan bahawa komuniti ini telah berhijrah dari Indo-China ke Negara ini pada 8,000- 2,000 S.M. (Dodge 1981,3)

Menyentuh tentang istilah yang digunakan bagi merujuk kepada masyarakat ini, terdapat pelbagai istilah diperkenalkan. Carey (1976,3-6) dalam perbincangannya mengenai Orang Asli di Negara ini, turut menyentuh persoalan ini. Menurut beliau,perkataan 'Asli' adalah berasal daripada perkataan Arab, asali yang bermaksud well-born atau aristokratik. Istilah "Orang Asli" telah diterima baik oleh komuniti ini dan penggunaannya agak meluas.

Istilah 'Sakai' juga digunakan merujuk kepada Orang Asli sebagai 'pagan races',setelah mendapat tentangan daripada komuniti itu kerana maksud sakai adalah 'hamba'. Kadang-kadang istilah sakai digunakan kepada masyarakat 'Senoi'. Orang asli telah diistilahkan sebagai 'orang darat' atau 'orang dalam' apabila (Carey) menganggotai Department of Aboriginal Affairs. Dalam tahun-tahun 1970-an, terdapat kecenderungan daripada pihak pemerintah untuk mengistilahkan komuniti ini sebagai 'saudara lama'. Dalam Simposium Pembangunan dan Masa Depan Orang Asli Semenanjung yang dianjurkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada 26 November,1984 mencadangkan agar istilah Orang Asli ditukar kepada Pribumi Semenanjung.

Terdapat tiga kumpulan etnik utama di Semenanjung Tanah Melayu iaitu Negrito,Senoi,dan Melayu-Proto atau Melayu Asli. Juli Edo(1990,33) menyatakan bahawa pembahagian ini kurang tepat kerana terdapat dalam kes-kes tertentu di mana

terdapat kumpulan-kumpulan yang bercampur dari aspek bahasa dan kebudayaan. Namun demikian, pembahagian diatas mempunyai justifikasinya jika dilihat dari sudut etnologi. Kalau dilihat secara terperinci, didapati bahawa ketiga-tiga kumpulan etnik tersebut terdiri daripada berbagai-bagai suku bangsa yang tertentu. Menurut Ordinan yang disenaraikan oleh kerajaan Malaysia ialah masyarakat Orang Asli ialah:

Orang Asli merupakan penduduk asal sesebuah Negara. Undang-undang 1939 mendefinisikan Orang Asli sebagai orang yang kedua tertua (169). Pada tahun 1954 terbentuk lagi satu Undang-undang yang berkaitan dengan Orang Asli iaitu Ordinan Orang-orang Asli (Aboriginal People's Ordinance). Definisi yang diberikan oleh Ordinan ini berkenaan dengan siapa yang dimaksudkan sebagai Orang Asli lebih jelas dan terperinci.

Menurut Ordinan ini:

- 1a) Setiap orang yang berketurunan Orang Asli sama ada kepercayaan dari sudut bahasa ataupun sebagainya mengikut keturunan ayahnya.
- 1b) Setiap orang dari Ras apapun yang diadopsi ketika bayi oleh Orang Asli yang telah dibesarkan sebagai Orang Asli, biasanya berbicara bahasa Orang Asli, biasanya mengikut cara hidup Orang Asli, dan adat serta kepercayaan Orang Asli dan merupakan anggota dari suatu komuniti Orang Asli.
- 1c) Atau anak dari perkahwinan antara seorang perempuan asli dan seorang lelaki dari Ras yang lain, asalkan anak biasa berbicara bahasa Orang Asli, biasanya mengikut cara hidup Orang Asli, dan adat serta kepercayaan Orang Asli dan tetap merupakan komuniti Orang Asli.

Walaupun Istilah Orang Asli ini sebenarnya banyak menimbulkan persoalan pada masa kini, ia kerana masyarakat Orang Asli banyak menimbulkan kontroversi dari segi penghidupan mereka, ada sesetengah masyarakat yang memandang masyarakat Orang Asli hidup daif diselubungi dengan kemiskinan dan jauh lebih mundur. Sejarah menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli terutamanya puak Negrito telah sampai ke Malaysia kira-kira 25 000 tahun dahulu. Diikuti kemudiannya oleh kumpulan orang Senoi telah sampai ke sini sekitar 6000-8000 tahun yang lalu dan barulah kumpulan Melayu Asli yang sampai sekitar 4000 tahun kemudian. Umumnya terdapat dua kenyataan yang mengisahkan bagaimana Orang Asli ini boleh menetap di Hutan. Dari segi teori pensejarahan dikenalpasti bahawa kedatangan kumpulan, baru yang dikenali sebagai Melayu Deutro telah menyebabkan kumpulan manusia pertama lari ke hutan dan menetap di hutan tersebut hinggalah ke hari ini, berbahasa, halus tutur katanya serta mempunyai persamaan dengan bahasa zaman feudal. Pada zaman dahulu dikatakan bahawa masyarakat Orang Asli bijak kerana mereka telah mencipta pelbagai peralatan seperti peralatan memburu, memasak, dan sebagainya. Menurut epik atau cerita mitos dahulu masyarakat Orang Asli lebih bijak mencipta peralatan seperti ini tanpa menggunakan teknologi yang canggih. Ikhtiar hidup mereka amat kuat dan mendalam sehinggakan mereka menjadi penghuni tetap di dalam hutan rimba. Masyarakat Orang Asli juga telah mempunyai semangat sipiritual yang kuat dengan mereka mempunyai pegangan agama, atau kepercayaan yang kuat, dalam hal ini menimbulkan kerjasama yang kuat dikalangan anak buah mereka. Pada masa yang sama mereka juga mempunyai sistem masyarakat seperti ketua yang mengawal anak-anak buah mereka. Hal ini, menunjukkan bahawa mereka telah mewujudkan undang-undang dikalangan masyarakat mereka.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia menyenaraikan terdapat 7 suku kaum bangsa Negrito iaitu Kensiu, Kintaq, Lanoh, Jahal, Mendriq, dan Bateq yang masing-masing mendiami beberapa buah negeri di Malaysia antaranya adalah Kedah, Perak, Kelantan, Pahang, dan lain-lain negeri di Semenanjung. Purata jumlah suku bangsa Negrito adalah 3671 ribu orang. Suku Kaum Senoi mempunyai enam suku kaum kecil iaitu Termiar, Semai, Semoq Beri, Che Wong, Jah Hut, dan Mah Meri, suku bangsa Senoi mendiami beberapa negeri di Malaysia antaranya adalah Perak, Kelantan, Pahang, Selangor dan beberapa buah negeri di semenanjung Malaysia anggaran jumlah suku bangsa Senoi di Malaysia adalah sebanyak 79 156 ribu orang. Suku Bangsa Melayu Asli mempunyai 6 pecahan kecil yang terdiri daripada kaum Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala, dan, Orang Seletar, suku bangsa Melayu Asli mendiami beberapa buah negeri di semenanjung Malaysia antaranya Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang dan beberapa buah negeri di semenanjung Malaysia, anggaran jumlah penduduk Melayu Asli adalah berjumlah 58 403 ribu orang.

Menurut Benjamin, Geoffrey (1996) dalam artikelnya menyebut Kaum Termiar merupakan kelompok Orang Asli terbesar dan merujuk kepada kaum melayu yang bukan muslim di semenanjung Malaysia. Nama Termiar itu yang biasa digunakan dalam penyelidikan etnologi pada 1930. Masyarakat termiar awal dirujuk sebagai kaum sakai utara (sakai tengah, semais).

Termiar adalah satu bahasa yang diambil dari bahasa Semai iaitu Tmiir iaitu bahasa Semai Utara. Perkataan Termiar tidak membawa maksud dalam bahasa asli tetapi kemungkinan pengaruh Austronesia Etymon dalam Timbir dan dipakai sebahagian populasi semenanjung Malaysia.

2.3 Kesimpulan

Terdapat pelbagai pendapat dan pandangan yang telah diberikan oleh sarjana tempatan dan barat mengenai pembangunan Masyarakat Orang Asli. Rumusannya, kebanyakan sarjana memberi pendapat yang berbeza-beza.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam mengkaji, dalam kajian ini pengkaji menggunakan kajian pustaka dengan mengumpul keseluruhan kajian yang merupakan buku penulisan berkaitan dengan Orang Asli. Pengkaji juga merujuk kepada kajian lepas yang dilakukan berkaitan dengan Masyarakat Orang Asli, kajian itu daripada sarjana barat mahupun sarjana tempatan. Dalam rujukan ini pengkaji tidak menumpukan kajian berkaitan dengan Orang Asli tempatan di Malaysia malah pengkaji juga turut merujuk kajian berkaitan dengan Orang Asli di luar negara.

Kajian ini, juga melibatkan kajian lapangan yang dilakukan, kajian ini lebih menfokuskan pemerhatian pengkaji melalui beberapa kaedah yang digunakan bagi membantu untuk mendapatkan maklumat yang tepat.

3.2 Rekabentuk Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan kuantitatif. Kajian kualitatif mencari dan mengumpul bahan yang relevan dengan tajuk yang dikaji seperti istilah, konsep dan teori bagi menerangkan sesuatu fenomena dengan menggunakan kaedah dan teori bagi menerangkan sesuatu perkara dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan kajian teks. Setelah itu, bahan yang telah terkumpul dianalisis

Kajian perpustakaan merujuk kepada buku, tesis, kertas kerja, jurnal dan juga akhbar yang memperkatakan mengenai penerimaan Masyarakat Orang Asli terhadap pembangunan moden.

Dalam kaedah kuantitatif menggunakan borang soal selidik dengan mengedarkan kepada 50 responden sebagai memenuhi kajian. Data yang digunakan dalam kajian ini merupakan data primer yang diperolehi menerusi soal selidik masyarakat Orang Asli yang ada di Kuala Betis Gua Musang. Kaedah yang digunakan menggunakan dua cara iaitu kaedah Temubual yang dilakukan adalah '*open ended question*'. Temubual dilakukan secara individu dan berkumpulan yang melibatkan masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada Suku Kaum Termiar. Kaedah temubual secara berkumpulan dilaksanakan bagi menjimatkan masa dan mengelakkan sebarang kesukaran berhubung dengan penggunaan istilah. Khidmat Tok Batin juga digunakan

bagi mengelakkan sebarang salah faham berhubung penggunaan istilah dan bahasa yang digunakan oleh penyelidik semasa berlakunya proses temubual.

Kaedah yang kedua ialah menggunakan kaedah kuantitatif yang mana responden perlu menjawab soalan kajian .Sebanyak empat bahagian yang perlu dijawab oleh responden, Bahagian A adalah maklumat responden, bahagian B dan bahagian C merupakan respon masyarakat dan bahagian D merupakan pandangan dan pendapat masyarakat.

Pembolehkan yang diguna pakai dalam kajian ini telah mengambil kira kajian lepas iaitu melalui Doris Padmini Selvaratnam, Siti Nordiyana Binti Ishak, Nurul Azna Binti Abdul Majid kertas kerja ini dibentang pada Persidangan Perdana Pribumi Malaysia pada 25 dan 26 oktober 2008, di Kuala Terengganu.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang penerimaan Masyarakat Orang Asli terhadap pembangunan dalam era globalisasi. Kaedah perpustakaan yang digunakan bagaimana cara pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan Masyarakat Orang Asli merujuk kepada pembangunan yang telah sedia ada.

Dalam konteks pembangunan pengkaji melihat sendiri penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap budaya, sosial, dan juga ekonomi masyarakat Orang Asli itu sendiri. Proses tranformasi dan penyepaduan masyarakat Peribumi dengan sistem ekonomi moden mula menghakis nilai dan amalan tradisional mereka. Menurut Surasin (1996), pemodenan meningkatkan tekanan untuk terus membekalkan sumber

yang diperlukan bagi menampung keperluan kehidupan komuniti yang mula bergantung kepada pasaran dan nilai individualistik.

Kaedah yang kedua yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah lapangan, kaedah ini hanya menfokuskan Masyarakat Orang Asli kaum Termiar yang tinggal di beberapa kampung yang dipilih secara rawak di Kuala Betis Gua Musang. Kaedah ini menggunakan cara temubual dan juga pendedarkan borang soal selidik kepada Masyarakat Orang Asli. Soalan yang ditanya dalam kajian ini adalah berkaitan dengan tradisi lama (budaya) adakah budaya mereka akan berubah sekiranya pembangunan dilakukan dengan pesat di tempat mereka. Selain itu, perkara yang disoal adalah berkaitan dengan ekonomi sejauhmana kesan terhadap ekonomi tradisi lama mereka sekiranya berlakunya pembangunan.

3.4 Prosedur Kajian

Perkara pertama yang pengkaji lakukan untuk memulakan kajian ini adalah mengumpulkan sebanyak mungkin buku rujukan yang berkaitan dengan Masyarakat Orang Asli antara tokoh yang banyak menulis buku rujukan berkaitan dengan Orang Asli adalah Hassan Ishak, Juli Edo, Carey, dan banyak lagi tokoh yang mengkaji berkaitan dengan masyarakat Orang Asli.

Setelah maklumat diperolehi data-data dikumpul untuk dianalisis, dan diguna pakai untuk tujuan rujukan atau untuk pengukuhan sesuatu kenyataan yang dibuat oleh pengkaji dalam kajian ini.

Setelah itu, barulah kajian lapangan dibuat, bagi melancarkan proses untuk kajian surat kebenaran perlu dihasilkan untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak

Universiti dan juga pihak daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk membuat kajian lapangan di tempat yang berkaitan.

Seterusnya, kajian lapangan dilakukan ditempat yang berkaitan, prosedur yang harus dilakukan di lapangan semasa kajian adalah kaedah temubual dan bagi mendapatkan data yang lengkap borang soal selidik jugak diedarkan kepada responden, hanya 50 responden dipilih kerana pengkaji mengalami kesukaran untuk mendapatkan kerjasama daripada masyarakat Orang Asli itu sendiri.

Seterusnya, data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan dua cara iaitu huraian yang disokong oleh kajian lepas dan juga kaedah analisis data kuantitatif huraian secara menghuraikan graf atau carta yang dibuat berdasarkan data yang diperolehi melalui borang soal selidik.

Prosedur akhir, dilengkapi dengan perbincangan, cadangan, dan kesimpulan yang akan melengkapi keseluruhan kajian. Dalam kajian ini proses pemikiran akan berlaku memberi hujah-hujah dan pendapat yang bernas membolehkan sesebuah hasil kajian lebih sempurna dan jitu.

3.5 Kesimpulan

Penerimaan Masyarakat Orang Asli terhadap pembangunan moden boleh dilakukan dengan merujuk kepada kajian secara kualitatif atau kajian secara kuantitatif. Kedua-dua kaedah kajian digabungkan bagi mendapatkan maklumat atau data yang lebih jelas dan tepat dari segi isinya.



BAB 4


DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada amnya, perkampungan Orang Asli adalah terpencil dan bertaburan disekitar kawasan hutan di Negara ini. Perkampungan mereka juga adalah kecil dan terpisah dari kawasan lain-lain masyarakat Malaysia. Keadaan ini tidak sahaja merumitkan usaha kerajaan untuk memperbaiki kehidupan mereka dan seterusnya mengintergrasikan masyarakat yang serba kekurangan ini dengan lain-lain masyarakat.

Pemmasalahan masyarakat Orang Asli telah diberi perhatian oleh pihak kerajaan dengan mengatur satu strategi pengumpulan semula kampung-kampung yang berselerak ke satu kawasan pengumpulan semula yang mana persekitaran adalah sama seperti tempat asal mereka. Persekitaran lebih selesa dan teratur, segala kemudahan-kemudahan dapat dibekalkan demi untuk meninggikan taraf kehidupan masyarakat Orang Asli ini. Disamping itu, kawalan keselamatan keatas kawasan masyarakat Orang Asli dipertingkatkan.

Tugas untuk melaksanakan tujuan ini bukanlah merupakan satu perkara yang mudah. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), sebagai badan yang bertanggungjawab ke atas kebajikan masyarakat Orang Asli .



Rajah 4.1: Peta Lokasi Suku Kaum Masyarakat Orang Asli.


KELANTAN

4.2 Kedudukan Wilayah

4.2.1 Kawasan Titiwangsa

Kawasan Titiwangsa meliputi kawasan seluas lebih kurang 8,500 batu persegi. Kawasan ini membentuk bujur dengan bahagian-bahagian yang meruncing di sebelah utara dan selatan. Panjang kawasan ini adalah kira-kira 160 batu sementara lebarnya pula ialah 60 batu. Kawasan banjaran Titiwangsa merangkumi timur negeri Perak, kawasan barat Kelantan dan juga timur laut Pahang dan sebahagiannya adalah kawasan sempadan antara Malaysia dengan Thailand.

Kerajaan Malaysia telah mengatur strategi untuk kepentingan keselamatan dan pembangunan masyarakat Orang Asli di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan membina 79 pos-pos Orang Asli yang terletak bertaburan di dalam kawasan Titiwangsa. Kini usaha kerajaan untuk membaik pulih Pos-pos Orang Asli yang hanya terdapat 33 buah sahaja yang masih berfungsi.



Rajah 4.2: Peta Lokasi Kedudukan Pos-pos penempatan Orang Asli negeri Kelantan, Perak dan Pahang.

Negeri	Nama Pos
Perak	Kemar
Kelantan	Kuala Betis
Pahang	Betau

Sumber : Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli

Kawasan Titiwangsa.

Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

September, 1977.

4.2.2 Bentuk Muka Bumi, Tanah dan Pengairan

Puncak Titiwangsa yang mencapai ketinggian melebihi 7,000 kaki di atas paras laut. Terdapat juga lembah-lembah yang luas di kawasan ini dan salah satu daripadanya adalah Cameron Highland.

Disebabkan oleh satu pembentukan batu lipatan dan pemendapan yang kuat, maka kawasan yang rendah menjadi tidak rata terutamanya bahagian kaki bukit dan juga di lembah pergunungan. Keadaan sedemikian meliputi kawasan yang lebih luas dan biasanya terletak di paras ketinggian di antara 250 hingga ke 300 kaki di atas paras laut.

Kebanyakan tanah permukaan di sini adalah dari tanah jenis gembur berpasir (*sandy loam*) dan mengandungi bekas tanah lanar (*aluvia*) yang didatangi dari sungai.

Terdapat dua sungai utama iaitu Sungai Jelai dan Sungai Telenang yang masing-masing mengalir ke Sungai Kelantan dan Pahang.

4.2.3 Iklim

Lokasi dan topografi Kawasan Titiwangsa ini banyak mempengaruhi iklimnya. Pada amnya, kawasan pergunungan dengan ketinggian minima 500 kaki diatas paras laut ini mengalami tiupan kedua-dua musim angin monsun setiap tahun. Monsun Timur Laut melanda kawasan ini penghujung tahun.

Kajian hujan di kawasan ini pula menunjukkan bahawa jumlah hujan tahunan adalah agak tinggi. Data yang dikumpul dari stesen pengukur Gua Musang menunjukkan paras maksima hujan kawasan ini ialah 120.9 inci. Paras ini tercatat sebanyak dua kali setahun pada bulan Mac hingga Mei dan Setember hingga November.

4.2.4 Ekonomi Orang Asli

Pada keseluruhannya, ekonomi masyarakat Orang Asli di kawasan Titiwangsa berasaskan pertanian yang sentiasa berpindah randah, mereka hanya menanam jenis tanaman jangka pendek seperti padi bukit, pisang, jagung, tembakau, kacang, dan ubi kayu kerana tanaman-tanaman ini dapat mengeluarkan hasil

dengan cepat. Mereka juga menternak binatang ternakan seperti ayam, lembu dan kambing yang diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sendiri. Hasil ternakan ini kebanyakan di jual kepada orang luar.

Selain itu, masyarakat Orang Asli bekerja sebagai penangkap ikan, memungut hasil hutan dan memburu binatang untuk dimakan. Kerja-kerja ini merupakan aktiviti di masa lapang setelah kerja-kerja di ladang selesai dilakukan.

Kegiatan yang dijalankan oleh masyarakat Orang Asli adalah terhad dan tertumpu kepada keperluan sara diri sahaja. Mereka hanya menghasilkan keperluan yang dikehendaki sahaja, hanya sedikit sahaja yang dipasarkan kepada orang luar. Mereka kerap melakukan aktiviti ini untuk mendapatkan wang tunai untuk membeli keperluan mereka seperti pakaian, bateri, makanan dalam tin, tembakau dan lain-lain keperluan seperti garam, gula, dan rokok. Walaupun mata wang telah digunakan tetapi masyarakat Orang Asli masih mengamalkan pertukaran barang (sistem bater) diantara mereka.

4.2.5 Taburan Penduduk.

Penduduk-penduduk Orang Asli di kawasan Titiwangsa hampir 23, 000 orang atau 5, 000 kelamin semuanya. Penduduk-penduduk ini terbahagi kepada 7 suku kaum iaitu Johoi, Menriq, Kintak, Lanoh, Jeniar, Semai, dan Temuan.


Dari jumlah 23,000 orang penduduk ini, lebih daripada 50% terdapat di negeri Perak dan selebihnya di negeri Kelantan dan Pahang. Jumlah yang terbesarnya pula ialah dari suku kaum Semai (53.2%) dan Termiar (40.7%).

Penduduk-penduduk Orang Asli ini kebanyakan tinggal di kampung-kampung atau kawasan-kawasan yang berhampiran dengan pos-pos atau pejabat-pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli.

4.3 Lokasi Rancangan Kuala Betis.

Kuala Betis ialah salah satu daripada 8 buah Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli di negeri Kelantan. Kawasan ini terletak di daerah Ulu Kelantan. Bandar ini terletak kira-kira 17 batu dari Kuala Betis. Kuala Betis menjadi pusat bagi rancangan Kuala Betis ini terletak antara pertemuan Sungai Nenggiri dan Sungai Betis.

Kampung Melayu yang berdekatan sekali dengan rancangan ini ialah Kampung Ladang Melayu. Kampung ini adalah termasuk di dalam satu lagi rancangan pembangunan setempat yang dikenali sebagai Darul Naim.




Rajah 4.3 : Kedudukan Kuala Betis.

4.3.1 Hubungan Kawasan.

Oleh kerana rancangan ini terletak di kawasan pembangunan adalah di peringkat awalan, sistem jalanraya yang sediaada hanyalah berupa rangkaian jalan balak sahaja. Jalan balak ini menghubungkan Kuala Betis dengan Bandar Gua Musang dan juga dengan kawasan rancangan lain di Blau dan kawasan pembalakan di sekitar rancangan ini.

Bandar Gua Musang kini merupakan pusat perdagangan dan pengangkutan yang terpenting di rantau ini. Kedudukan boleh dikatakan sama penting dengan bandar-bandar lain di negeri Kelantan seperti Kuala Krai, Kota Bharu dan Kuala Lipis di Pahang. Walaupun demikian, punca pengangkutan darat yang menghubungkan Gua Musang dan bandar-bandar ini hanyalah berupa perkhidmatan keretapi sahaja. Ini telah menimbulkan beberapa masalah kerana dengan keadaan pembangunan yang agak pesat, sistem perhubungan yang sedia ada ini adalah tidak sesuai serta mencukupi. Oleh yang demikian, beberapa batang jalanraya menghubungkan Gua Musang dengan Sungai Siput di negeri Perak dan diantara Gua Musang dengan bandar Kemubu didalam negeri Kelantan sendiri.

Terdapat beberapa buah sungai terpenting di kawasan rancangan ini seperti Sungai Nenggeri, Sungai Betis dan Sungai Berok. Selain daripada menjadi punca bekalan air, sungai-sungai ini juga merupakan punca pengangkutan kepada penduduk-penduduk tempatan, menghubungkan kawasan ini dengan lain-lain kawasan di sekitar rancangan ini.



Rajah 4.4 : Jalan perhubungan Sungai dan Jalan Darat antara Kuala Betis dan Gua Musang

Sebuah “Helikopter” juga disediakan di Pos Betis bagi kegunaan semasa kecemasan seperti mengangkut pesakit-pesakit dari rancangan ini ke bandar-bandar besar seperti Ipoh, Kota Bharu dan Kuala Lumpur dimana kemudahan perubatan moden boleh diperolehi.

4.4 Ciri-ciri Fizikal Kuala Betis

4.4.1 Iklim

- 1) Suhu di kawasan negeri Kelantan adalah 6°C bagi tiap-tiap ketinggian 1,000 meter, maka purata suhu tahunan bagi kawasan Kuala Betis yang terletak kira-kira 152.2 meter di atas paras laut ialah 18.6°C .

- 2) Hujan di kawasan ini banyak dipengaruhi oleh ketinggian permukaan tanah yang berbeza. Walau bagaimanapun pola hujan tahunan bagi kawasan Kuala Betis ini adalah tertakluk kepada pengaruh Monsun Timur Laut yang membawa hujan lebat di antara bulan April hingga Julai dan September hingga Januari.
- 3) Pergerakan angin dikawasan ini mempengaruhi angin monsoon yang bermusim. Had laju tiupan angina yang biasa diantara 3 – 10 km / jam dan kadangkala mencapai 20 km/jam.

4.4.2 Topografi

Jumlah keluasan kawasan yang terlibat di dalam rancangan ini ialah 7,885 ekar. Dari keluasan ini, sebanyak 16.5 % (1,301 ekar) adalah kawasan tinggi yang melebihi 1,000 kaki dari paras laut.

Pada keseluruhannya, topografi Kuala Betis adalah landai, dimana ketinggiannya meningkat dari segi jarak. Lembah sungai di kawasan ini berketinggian pada sebelah selatan dan barat laut. Dengan itu kebanyakan penempatan yang sediaada adalah terletak disepanjang tebing sungai dimana keadaan topografinya adalah lebih sesuai untuk diduduki.

4.4.3 Saliran.

Dua batang sungai utama mengalir di dalam kawasan rancangan Kuala Betis ini. Sungai-sungai tersebut ialah Betis dan Nenggeri. Sungai Nenggeri adalah merupakan sempadan di kawasan sebelah timur rancangan ini. Sungai ini mengalir dari arah selatan ke utara. Sungai Betis pula mengalir dari arah timur ke barat dimana akhirnya sungai ini bertembung dengan Sungai Nenggeri. Selain itu sungai besar ini terdapat sungai-sungai kecil yang menghubungkannya antaranya Sungai Chas, Berok, Senarip, dan Fenut.

4.4.4 Geologi

Jenis tanah di kawasan Kuala Betis boleh digolongkan ke dalam siri Kakura. Tanah-tanah Kakura ini adalah dari jenis campuran tanah liat, berwarna kuning coklat, dan mempunyai kadar serapan yang baik.

4.4.5 Jenis dan Taburan Tanah

Kebanyakan kawasan di sekitar Kuala Betis adalah diliputi hutan tebal. Walaubagaimanapun, sebahagian daripadanya telah diterokai untuk tujuan penempatan dan bercucuk tanam.

Peletakan kawasan yang sesuai untuk pertanian pada umumnya ialah di sepanjang tebing sungai, khasnya di kawasan sepanjang Sungai Nenggeri, Sungai Berok, dan Sungai Betis. Lembah kawasan ini paling sesuai untuk

dijadikan kawasan pertanian seperti dusun buah-buahan, tanaman sayur-sayuran dan tanaman kekal seperti getah.

4.5 Pola Penempatan


4.5.1 Jenis Penempatan

Masyarakat Orang Asli di Kuala Betis adalah seperti lain-lain masyarakat Orang Asli di Negara ini. Mereka sentiasa hidup berpindah randah dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Mereka hidup secara nomad kerana masyarakat Orang Asli dipengaruhi sistem pertanian pindah yang masih diamalkan dikalangan Orang Asli ini. Sejak dari dahulu lagi masyarakat Orang Asli ini telah mengamalkan sistem pertanian cara ini. Oleh kerana, cara bercucuk tanam yang dijalankan tidak dapat mengekalkan kesuburan tanah mereka hidup secara pertanian pindah. Oleh itu, Orang Asli ini berpindah ke tempat lain di mana mereka akan memulakan kegiatan pertanian lain di atas tanah subur yang masih belum terganggu lagi. Hidup berpindah randah merupakan amalan masyarakat orang asli sejak turun temurun lagi.


Dalam jangka masa yang singkat, iaitu diantara bulan Mei hingga ke bulan Julai 1980, terdapat 4 buah kampung dari sejumlah 19 buah yang termasuk di dalam Rancangan Pengumpulan Orang Asli Kuala Betis telah pun berpindah tapak.

4.5.2 Taburan Penempatan

Kampung-kampung yang terdapat disini kebanyakan bertaburan di bahagian timur kawasan Rancangan Pengumpulan Semula Kuala Betis. Hanya 5 buah kampung sahaja yang terdapat di bahagian barat kawasan ini.



Rajah 4.5 : Taburan Penempatan dan Perhubungan di Kuala Betis.



Rajah 4.6 : Lakaran Kedudukan Kampung Masyarakat Orang Asli di Kuala Betis.

Dalam pada itu, semua penempatan yang ada di kawasan ini adalah terletak di sepanjang beberapa buah sungai yang mengalir dikawasan ini. Walaupun terjadi beberapa perpindahan kampung seperti yang dihuraikan sebelum ini. Setiap kampung tersebut masih tetap terletak di tebing ataupun berdekatan dengan tebing sungai.

4.5.3 Ciri-ciri Penempatan


Susunan rumah-rumah kediaman adalah agak sama di setiap kampung di kawasan ini. Kebanyakan tersusun dalam bentuk linear, sama ada mengikut arah sungai atau pun sejajar dengan jalan denai yang terdapat di kawasan perkampungan.

Di samping itu, terdapat juga tanah dusun disetiap kampung. Tanah ini kebiasaanya terletak berhampiran dengan tapak kediaman. Dibeberapa kampung pula, ladang getah merupakan satu-satunya kawasan pertanian baru dan ladang ini kebanyakan terletak di pinggir kampung.

4.6 Analisis Data Borang Soal Selidik

4.6.1 Bahagian A

Kajian ini merujuk kepada masyarakat kaum Termiar. Pada bahagian A merujuk kepada maklumat Responden. Sebanyak 50 Responden yang dipilih dalam kajian ini. Merujuk kepada graf 1 sebanyak 21 orang responden yang berumur 17 hingga 29 tahun, dan 21 orang responden yang berumur 30 hingga 49 tahun, dan akhir 8 orang responden yang berumur 50 tahun ke atas. Rujuk graf 1 untuk maklumat.




Rajah 4.7 : Graf 1 Jumlah Responden Mengikut Umur
(tahun)



Rajah 4.8: Gambarajah 1 menunjukkan pengkaji menjalankan proses temubual dengan Masyarakat Orang Asli Termiar

Analisis data mendapati bahawa masyarakat Orang Asli mempunyai sifat yang pemalu kepada golongan perempuan dan bagi golongan lelaki sukar mendapatkan kerjasama semasa ditemubual terutamanya golongan yang berumur 50 tahun ke atas. Komuniti ini juga mempunyai sifat yang suka dipuji-puji dan juga suka diberikan sesuatu sebagai balasan dengan pertolongan yang mereka berikan kepada pengkaji.


Carta Pai 1 di bawah menunjukkan jumlah responden mengikut jantina sebanyak 66 peratus lelaki dan 34 peratus adalah perempuan.



Rajah 4.9 : Carta Pai 1 Jumlah Responden Mengikut Jantina

Terdapat pelbagai faktor kenapa responden lelaki lebih ramai daripada responden wanita kerana masyarakat Orang Asli wanita adalah bersifat sangat pemalu kepada masyarakat luar. Hanya sesetengah golongan wanita Orang Asli yang mahu bekerjasama dalam kajian ini.


Dalam kajian ini, kesemua responden adalah daripada Kaum Termiar. Merujuk kepada carta pai 2.



Rajah 4.10 : Carta Pai 2 merujuk kepada carta pai 2 ialah suku kaum responden.


Kajian ini menfokuskan kepada Masyarakat Termiar yang tinggal di Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan.

Carta pai 3 adalah berkaitan dengan pekerjaan hampir 100 peratus responden adalah bekerja sendiri mereka adalah bekerja sebagai penoreh getah, memungut hasil hutan, dan juga membantu peraih untuk mengangkat barang.




Rajah 4.11: Carta Pai 3 pekerjaan responden

Responden terdiri daripada berstatus bujang dan sudah berkahwin 72 peratus terdiri daripada responden yang sudah berkahwin 28 peratus terdiri daripada responden yang berstatus bujang. Merujuk kepada carta pai 4.



Rajah 4.12: Carta Pai 4 Status Responden

Purata pendapatan responden adalah RM 1000 ke bawah sebanyak 74 peratus pendapatan sebanyak RM 1000 ke bawah dan 26 peratus adalah pendapatan sebanyak RM 1000 hingga RM 2000.




Rajah 4.13: Carta Pai 4 Pendapata Responden

4.6.2 Bahagian B

4.6.2.1 Soalan 1

Sebanyak 48 orang responden yang peka terhadap pembangunan yang berada disekeliling mereka. Hal yang demikian, kerana masyarakat di sekitar lebih peka terhadap pembangunan yang berada di sekeliling. Bagi golongan muda mereka merasakan bahawa pembangunan dapat merubah kehidupan mereka dari segi cara hidup mereka dan bagi golongan pertengahan yang berumur 30 hingga 49 tahun mereka merasakan bahawa pembangunan penting bagi anak-anak mereka dari segi infrastruktur persekolahan anak-anak mereka.



Rajah 4.14: Carta Pai 1 untuk soalan 1



Rajah 4.15: Gambarajah 2 menunjukkan sesi persekolahan anak-anak masyarakat Orang Asli. Di sekolah Kuala Betis ini terdapat dua pembahagian untuk Masyarakat Orang Asli dan Masyarakat Melayu disitu. Pencampuran dalam sesi persekolahan menyebabkan mereka belajar budaya masing-masing ketika berada di sekolah.

Manakala, 2 orang responden mengatakan tidak peka terhadap pembangunan kerana mereka merasakan pembangunan dapat merubah cara hidup seseorang individu berkenaan. Golongan 50 tahun ke atas atau golongan veteran ini tidak suka kepada pembangunan kerana pembangunan dapat merosakkan tradisi lama.

4.6.2.2 Soalan 2

Soalan 2 merujuk kepada keselesaan responden terhadap pembangunan yang telah sedia ada sebanyak 68 peratus kira-kira 34 orang yang mengatakan bahawa selesa terhadap pembangunan yang telah sedia ada dan 32 peratus mengatakan bahawa tidak selesa terhadap pembangunan. Hasil kajian menunjukkan bahawa generasi muda lebih selesa kerana mereka telah berhijrah ke bandar untuk berkerja.




Rajah 4.16: Gambarajah 3 menunjukkan salah sebuah dewan yang terdapat di tempat Masyarakat Orang Asli Kuala Betis.

Justeru itu, mereka tidak menghadapi masalah sekiranya pembangunan dilakukan di tempat mereka. Dalam hal ini, 32 peratus lagi kira-kira 16 orang responden tidak selesa terhadap pembangunan. Mereka ini terdiri daripada golongan pertengahan umur dan juga golongan veteran. Hal ini, kerana golongan ini merasakan pembangunan boleh merosakkan alam sekitar seperti

pembangunan dapat merosakkan sungai dan hutan tempat pencarian rezeki mereka. Hasil pemerhatian pengkaji, mendapati penerbangan balak untuk tujuan pembangunan menyebabkan sungai tercemar dan juga ekosistem flora dan fauna juga terjejas.



Rajah 4.17: Gambarajah 4 menunjukkan sistem kumbahan yang terdapat di perkampungan Masyarakat Orang Asli.



Rajah 4.18: Carta Pai 2 untuk soalan 2

4.6.2.3 Soalan 3

Soalan 3 adalah masalah yang dihadapi oleh responden terhadap pembangunan ditempat mereka. Sebanyak 72 peratus mengatakan bahawa mempunyai masalah kerana berkaitan dengan Alam Sekitar. Kebanyakan pembangunan yang dilakukan adalah melibatkan alam sekitar masyarakat orang asli. Golongan yang banyak mempunyai masalah terhadap pembangunan adalah golongan pertengahan yang berumur 30 tahun keatas mereka mengatakan bahawa pembangunan banyak merosakkan alam sekitar kerana alam merupakan punca rezeki terhadap mereka. Bagi golongan yang berumur 50 tahun ke atas pembangunan menyebabkan mereka tidak selesa akan pembangunan yang dilakukan, seperti contoh kerajaan telah membina rumah


untuk masyarakat orang asli berkenaan tetapi mereka tidak selesa kerana keadaan rumah yang panas , justeru itu mereka akan membina rumah yang lain daripada buluh di sebelah rumah yang dibina oleh kerajaan untuk keselesaan mereka ketika tidur nanti.



Rajah 4.19: Gambarajah 5 menunjukkan kediaman masyarakat Orang Asli secara tradisi.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN



Rajah 4.20: Carta Pai 3 untuk soalan 3

Carta pai di atas sebanyak 28 peratus tidak mengalami masalah terhadap pembangunan. Golongan yang tidak mengalami masalah terhadap pembangunan adalah golongan muda yang berumur 17 hingga 29 tahun. Mengikut pemerhatian pengkaji mendapati golongan ini sudah terdedah kepada pendidikan di sekolah. Pendidikan boleh merubah cara pemikiran masyarakat. Disamping itu, teknologi juga merubah hidup mereka ,seperti media elektronik.


4.6.2.4 Soalan 4

Soalan 4 adalah merujuk kepada adakah pembangunan dapat merosakkan tradisi lama masyarakat Orang Asli. Hasilnya sebanyak 90 peratus masyarakat Orang Asli mengatakan pembangunan dapat merosakkan tradisi lama. masyarakat Orang Asli khususnya kaum Termiar mempunyai pelbagai tradisi lama seperti contoh cara hidup mereka. Dengan adanya pembangunan tradisi lama mudah terhakis.

Hasil pemerhatian mendapati bahawa tradisi seperti cara hidup mereka mula berubah seperti pekerjaan masyarakat orang asli yang dahulunya memungut hasil hutan. Mereka mengatakan bahawa dengan adanya pembangunan masyarakat Orang Asli tidak lagi mahu memungut hasil hutan kerana pembangunan menjadikan hasil hutan mula berkurangan dan habitat haiwan digangu.



Rajah 4.21: Gambarajah 6 menunjukkan kebun getah yang dibuka oleh kerajaan untuk Masyarakat Orang Asli.



Rajah 4.22: Carta Pai 4 untuk soalan 4


Hanya 10 peratus responden mengatakan bahawa pembangunan tidak merosakkan tradisi. Hasil mendapati bahawa responden ini tidak mementingkan tradisi lama dan mereka beranggapan bahawa tradisi lama menjadikan mereka jauh ketinggalan dari bangsa yang lain.

4.6.2.5 Soalan 5

Soalan 5 adalah merujuk kepada adakah pembangunan dapat membantu kehidupan mereka. Sebanyak 92 peratus mengatakan bahawa pembangunan dapat membantu kehidupan mereka. Pada masa kini, pembangunan dapat membantu mereka dari segi pendidikan. Mereka mula bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Melalui, pembinaan sekolah-sekolah banyak mengangkat anak-anak orang asli. Hasil tinjauan disalah sebuah sekolah di Kuala Betis mendapati kebanyakan masyarakat Orang Asli sudah celik terhadap ilmu yang diajar di sekolah. Pada masa dahulu, masyarakat Orang Asli tidak mempunyai jalan perhubungan, hanya sungai sahaja menjadi jalan perhubungan. Dengan adanya pembinaan jalan raya dapat memudahkan masyarakat Orang Asli untuk berhubung dengan masyarakat luar. Hubungan seperti ini menjadikan mereka lebih berfikiran terbuka dan tidak hidup dalam ruang lingkup mereka sahaja.



Rajah 4.23: Gambarajah 7 menunjukkan pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan di tempat Masyarakat Orang Asli.




Rajah 4.24: Carta Pai 5 untuk soalan 5

Sebanyak, 8 peratus responden mengatakan pembangunan tidak membantu mereka. Hal ini kerana, golongan yang berumur 50 tahun ke atas mengatakan bahawa pembangunan tidak membantu mereka. Bagi masyarakat Orang Asli yang masih berpegang kepada adat tradisi lama mengatakan syarat kehidupan bagi mereka hanya cukup makan, pakaian dan juga tempat tinggal sudah memadai tidak perlu kepada pembangunan yang akan memusnahkan lagi adat tradisi mereka.

4.6.2.6 Soalan 6

Soalan 6 merujuk kepada maklumat responden adakah mereka suka kehidupan secara tradisi lama. Sebanyak 84 peratus mengatakan bahawa mereka suka kehidupan secara tradisi lama. Melalui pemerhatian, bagi golongan muda ada sesetengah tradisi yang mereka suka ikuti seperti contoh mereka masih mengamalkan adat bersewang. Bagi golongan pertengahan dan berusia beranggapan bahawa tradisi lama perlu dipelihara untuk generasi yang akan datang. Tradisi lama banyak mengajar masyarakat Orang Asli tentang penghidupan.



Rajah 4.25: Carta Pai 6 untuk soalan 6

16 peratus responden lagi mengatakan bahawa tidak suka kehidupan secara tradisi lama kerana kebanyakan Orang Asli ini terdedah dengan dunia luar. Mereka berkerja di luar dan apabila mereka balik, mereka tidak lagi berminat untuk mengamalkan tradisi lama mereka.


4.6.2.7 Soalan 7

Soalan 7 merujuk kepada adakah responden suka kepada kehidupan secara pembangunan moden. Sebanyak 68 peratus responden mengatakan bahawa suka terhadap pembangunan moden kerana pembangunan dapat memudahkan segala urusan. Masyarakat Orang Asli terdedah kepada dunia luar. Melalui hasil pemerhatian mendapati walaupun ada segelintir masyarakat yang keluar ke bandar untuk mencari pekerjaan dan segelintirnya tinggal di kampung masing-masing masih terdedah dengan gaya hidup masyarakat luar. Hal ini kerana, Orang Asli yang bekerja di luar membawa masuk budaya luar ke tempat mereka, hal ini menyebabkan masyarakat orang asli terpengaruh dengan budaya luar yang dibawa masuk ke kampung mereka. Di samping itu juga, orang luar juga membawa budaya luar kepada orang asli seperti peraih dari luar mempengaruhi masyarakat orang asli berkenaan sehinggakan budaya mereka berubah.



Rajah 4.26: Gambarajah 8 menunjukkan masyarakat Orang Asli sudah mengamalkan prinsip kesejahteraan rakyat, dengan mewujudkan Rukun Tertangga.

KELANTAN



Rajah 4.27: Carta Pai 7 untuk soalan 7


32 peratus responden lagi mengatakan tidak menyukai pembangunan moden. Hasil kajian mendapati bahawa responden tidak menyukai kehidupan secara pembangunan moden kerana masyarakat Orang Asli yang cintakan alam sekitar dan juga mereka yang berpegang hidup kepada tradisi lama. Responden yang tidak menyukai pembangunan moden adalah golongan pertengahan dan golongan yang berumur 50 tahun ke atas.

MALAYSIA

KELANTAN

4.6.2.8 Soalan 8

Soalan 8 ini bersifat umum adakah responden mengambil kisah terhadap pembangunan yang berlaku. Purata responden mengatakan mengambil kisah terhadap pembangunan yang berlaku kerana masyarakat Orang Asli pada masa kini terdedah dengan masyarakat luar. Antara puncanya adalah kemudahan seperti jalan raya dan program-program yang dilakukan terutamanya pihak kerajaan menyumbang kepada perkembangan taraf hidup masyarakat Orang Asli.



Ya
 Tidak

Rajah 4.28: Carta Pai 8 untuk soalan 8

Manakala 12 peratus responden lagi tidak mengambil kisah terhadap pembangunan. Melalui pemerhatian golongan veteran adalah golongan yang menolak pembangunan kerana mereka beranggapan bahawa pembangunan akan merosakkan tradisi yang dipertahankan oleh mereka sejak dahulu lagi.

4.6.3 Bahagian C

Soalan pada bahagian C adalah bersifat umum dan lebih kepada kualitatif. Pada bahagian C terdapat 3 soalan yang ditemubual, antara soalan yang diajukan adalah perubahan yang berlaku sekiranya pembangunan moden diteruskan. Responden mengatakan sekiranya pembangunan diteruskan menjadikan masyarakat Orang Asli berdaya saing dengan bangsa lain.

Golongan muda mengatakan bahawa mereka akan maju dari cara penghidupan mereka. Golongan muda berubah dari cara hidup dan budaya mereka. Tradisi lama mula terhakis dari minda golongan muda. Bagi golongan pertengahan dan veteran beranggapan, sekiranya pembangunan diteruskan, menyebabkan anak-anak mereka lebih berpendidikan dan dan berpengetahuan luas. Melalui temubual mereka berkata bahawa pembangunan akan merosakkan alam sekitar dan sesetengah pihak mengambil keuntungan daripada pembangunan yang berlaku di sekitar mereka tanpa memikirkan akibat perbuatan mereka.

Dalam sesi temubual, jika ditanyakan berkenaan dengan tradisi lama, adakah mereka akan mengekalkan atau sebaliknya. Kebanyakan responden akan menjawab hanya tradisi yang manfaat untuk mereka akan dikekalkan, sekiranya tradisi itu tidak penting mereka akan meninggalkannya. Hasil temubual mendapati bahawa tradisi lama ada menyusahkan mereka dan ada yang menyenangkan mereka. Seperti contoh rumah daripada buluh lebih selesa berbanding rumah yang daripada batu. Selain itu, kemudahan seperti klinik menyebabkan sesetengah para wanita tidak menggunakan tradisi lama untuk melahirkan anak kerana mereka beranggapan bahawa jika melahirkan anak menggunakan tradisi lama akan menyusahkan mereka.



Rajah 4.29: Gambarajah 9 menunjukkan pengkaji bersama-sama salah seorang Tok Batin yang terdapat di perkampungan Masyarakat Orang Asli.

KELANTAN

Soalan yang terakhir ditemubual adalah pembangunan moden yang bagaimana seharusnya dilakukan untuk kesejahteraan masyarakat disamping mengekalkan tradisi lama, maklum balas responden menginginkan pembangunan secara seimbang. Pembangunan yang seimbang dengan alam sekitar adalah penting bertujuan untuk mengimbangi alam dengan pembangunan yang dilakukan. Melalui pemerhatian, pembangunan yang dilakukan ditempat Orang Asli tidak memenuhi kriteria pembangunan yang seimbang kerana sungai tercemar dengan pembangunan yang dilakukan.

4.6.4 Bahagian D

Bahagian D adalah bahagian yang terakhir dalam borang soal selidik bahagian D mengemukakan cadangan dan pendapat responden berkaitan dengan pembangunan. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Orang Asli mengharapkan pembangunan ditempat mereka terutamanya golongan muda. Golongan muda berpendapat bahawa pembangunan boleh menyebabkan mereka sama dengan bangsa lain diluar dan golongan ini mengatakan bahawa mereka tidak mudah dipelekehkan oleh bangsa lain yang lebih maju dari segi pembangunan.

Bagi golongan pertengahan dan golongan veteran mereka inginkan pembangunan yang memberi kelebihan kepada anak-anak mereka dari segi pendidikan, kesihatan, dan kemudahan-kemudahan yang lain bertujuan supaya hidup anak-anak mereka lebih sempurna disamping tidak mengetepikan tradisi lama masyarakat orang asli yang dipertahankan sejak turun temurun.

4.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, masyarakat Orang Asli khususnya Masyarakat Termiar sudah mengalami perubahan dari segi cara hidup mereka. Hal ini menyebabkan mereka terdedah kepada masyarakat luar. Di samping itu, melalui program-program yang dianjurkan oleh kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) banyak mendedahkan mereka kepada dunia luar. Rancangan pengumpulan semula banyak memberi kebaikan kepada masyarakat orang asli, disamping memudahkan pihak kerajaan untuk memberikan bantuan kepada mereka.

Kemudahan seperti sekolah, klinik, jalan raya memberikan masyarakat Orang Asli berpendidikan, mempunyai kesihatan yang lebih baik dan jalan raya dapat menghubungkan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat luar dengan jalinan hubungan ini seperti pekerjaan diluar memberikan mereka lebih berpendapatan, disamping membantu keluarga mereka sendiri.



BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Pada bab akhir ini membincangkan tentang cadangan dan kesimpulan akhir terhadap kajian yang dibuat, merujuk kepada objektif dan pernyataan masalah. Masyarakat Orang Asli terutamanya Masyarakat Termiar mempunyai permasalahan dari segi pembangunan pada masa kini.

Sesetengah pihak, hanya mengambil kesempatan terhadap masyarakat Orang Asli. Pembangunan yang berlaku pada masyarakat Orang Asli ada kebaikan dan juga ada keburukannya. Demi menjaga, tradisi masyarakat Orang Asli beberapa langkah yang perlu diambil untuk menjaga disamping memajukan orang asli di Malaysia.

Walau bagaimanapun, proses transformasi dan menyepadukan masyarakat Peribumi dengan sistem ekonomi moden mula menghakis nilai dan amalan tradisional mereka. Menurut Surasin (1996), pemodenan meningkatkan tekanan untuk terus membekalkan sumber yang diperlukan bagi menampung keperluan kehidupan komuniti yang mula bergantung kepada pasaran dan nilai individualistik. Kawasan hutan yang dahulunya menjadi sumber ekonomi, makanan dan ubat-ubatan yang bermanfaat, serta “rumah” bagi komuniti Peribumi mula diterokai dan pelbagai kegiatan ekonomi moden dipraktik bagi menggantikan sistem tradisional yang kurang ekonomi. Penggunaan jentera moden, baja dan racun kimia yang tinggi bagi menjamin produktiviti yang maksimum bukan sahaja menyebabkan berlakunya pencemaran terhadap sumber alam, misalnya air dan udara, malah turut mengganggu biodiversiti setempat. Kesan langsung terhadap komuniti Peribumi pula ialah hilangnya identiti asal mereka, iaitu terhakisnya amalan semasa yang berpandukan ilmu pengetahuan tradisi yang selama ini dipertahankan. (Gregory, 2003 ; Pulido dan Bocco, 2003; Thomas, 2003)

Warren (1989) menyifatkan komuniti Peribumi sebagai contoh terbaik kerana berupaya menonjolkan bahawa sekumpulan manusia berjaya mengaplikasikan prinsip pembangunan terhadap kehidupan sebenar mereka menerusi sistem

ilmu tradisional. Hujah Warren diperkuat lagi oleh dapatan daripada kajian Surasin (1996) terhadap komuniti Peribumi di dua buah kampung di Thailand. Beliau mendapati bahawa sistem ilmu pengetahuan Peribumi terbahagi kepada tiga dimensi. Surasin menjelaskan bahawa hubungan pertama, iaitu “manusia dengan alam” ialah hubungan sistem penghasilan dengan fokus terhadap kaedah yang digunakan oleh manusia ketika berinteraksi dengan alam untuk kelangsungan hidup secara mapan.

Pekara yang berkaitan ialah ilmu teknikal, inovasi, serta eksperimentasi terhadap aktiviti penghasilan misalnya bertani dan mencari sumber hutan. Hubungan kedua “manusia dengan manusia” membentuk sistem hidup yang saling bekerjasama. Hubungan ini menjelaskan kehidupan setiap ahli dalam komuniti yang bersatu padu, proses membuat keputusan, pembentukan organisasi sosial dan kaedah pengajaran serta pembelajaran.

Hubungan ketiga, “manusia dengan kuasa luar biasa” ialah tapak segala nilai, sambutan perayaan, kepercayaan agama, perkara misteri yang tidak dapat dihurai dan lain-lain upacara ritual yang merupakan hasil kepercayaan daripada komuniti. Huraian tentang hubungan ketiga-tiga dimensi ini adalah selari dengan pandangan Pepperdine (2003), iaitu komuniti mapan ialah komuniti yang melihat komponen ekonomi, alam sekitar sosial sebagai konteks yang saling berkaitan dan mengambil kira pertalian tersebut ketika merancang masa depan.

5.2 Perbincangan

Pengenalan kepada perbincangan adalah ingin melihat kesan kepada masyarakat Orang Asli dari sudut budaya, sosial, dan ekonomi masyarakat Orang Asli di Kuala Betis. Pada masa kini masyarakat Orang Asli di Kuala Betis mengalami perubahan yang amat ketara.

Ekonomi masyarakat Orang Asli di Kuala Betis mengalami perubahan dari segi tradisi menjadikan pertanian moden. Masyarakat di Kuala Betis telah menjalan ekonomi secara tersusun dan terancang mereka mula menjalankan pertanian kekal seperti menanam getah ini berbeza kepada ekonomi tradisi seperti memungut hasil hutan, dan juga menjalankan aktiviti pertanian pindah. Kajian Pulido dan Bocco (2003) terhadap pertanian tradisional komuniti Peribumi di bahagian tengah Mexico dan Gregory (2003) terhadap penanaman keladi oleh suku kaum Vanutu menunjukkan wujudnya tahap pengamalan pertanian organik yang tinggi. Ini memberi persamaan dari segi amalan pertanian moden kepada masyarakat Orang Asli yang menanam getah sebagai sumber ekonomi kekal. Ekonomi juga memberi kesan kepada taraf kehidupan masyarakat Orang Asli, pada masa dahulu mereka hanya berpendapatan rendah dan kini ada sesetengah masyarakat pendapatan mereka mula mencecah kepada empat angka. Hal ini dibuktikan kepada borang soal selidik yang telah diedarkan mendapati bahawa ada responden pendapatan RM 1000 ke atas.

Namun begitu masalah yang dihadapi bila berlakunya penembangan hutan untuk dijadikan ladang atau membina penempatan berlakunya pencemaran alam sekitar. Hasil pemerhatian mendapati bahawa sungai sudah mula tercemar. Langkah-langkah perlu diambil bagi memastikan pencemaran tidak berlaku dan pemuliharaan dilaksanakan dengan segera.

Dari sudut Budaya masyarakat Orang Asli di Kuala Betis sudah mula terhakis akibat daripada perubahan globalisasi. Hal ini kerana, generasi muda pada hari ini sudah mengenali dunia luar, akibat daripada pembangunan yang dilakukan. Jika pada masa dahulu masyarakat Orang Asli hidup dalam lokasi yang terpencil, dan kini dengan adanya pembangunan seperti jalan raya, sistem telekomunikasi, dan pelbagai lagi dapat menghubungkan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat luar. Adat-adat mereka seperti adat bersewang, menggunakan tradisi lama untuk melahirkan anak sudah mula terhakis kerana tiadanya pelapis daripada generasi muda pada masa kini. Generasi muda Orang Asli pada masa kini sudah mula berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan, apabila mereka balik ke kampung tidak lagi berminat dengan tradisi lama. Hasil temubual dengan responden mendapati bahawa mereka menginginkan apa yang ada di bandar dan ada juga di tempat mereka.

Dari sudut sosial pula mendapati bahawa mereka tidak lagi hidup dalam ruang lingkup mereka sahaja, mereka telah berinteraksi dengan dunia luar. Kajian terhadap sistem sosial kaum Mouri di New Zealand oleh Loomis (2000) dan suku Djabugay di Australia oleh Dyer *et al.* (2003) menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan tradisional berperanan sebagai

falsafah yang mendasari cara komuniti melihat alam seingat dari kaca mereka. Masyarakat Orang Asli di Kuala Betis juga mempunyai permasalahan dari segi gejala sosial yang berlaku dikalangan mereka, Mereka sudah mula menasih dadah dan juga menjalankan aktiviti “rempit”. Justeru itu pelbagai langkah perlu diambil untuk meningkatkan jati diri masyarakat terutamanya golongan muda.

5.3 Cadangan

Strategi pembangunan komuniti Orang Asli pada masa kini digubal selaras dengan falsafah pembangunan luar bandar yang mementingkan peningkatan kualiti hidup penduduk dan membasmi kemiskinan menerusi program dan usaha kearah mencapai matlamat menjadikan kawasan luar bandar maju, menarik dan menguntungkan (Sunaidin, 1997). Usaha kerajaan untuk membangunkan Orang Asli bermula dengan penubuhan agensi khas, iaitu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), pada tahun 1953 dan pengubalan Akta 134 bagi melaksanakan pembangunan yang berkaitan dengan kepentingan Orang Asli (Hassan Ishak, 1998). Selaras dengan misi menjadi organisasi yang cemerlang yang bertaraf dunia dalam pembangunan sosioekonomi dan kebajikan Orang Asli.

Pembangunan masyarakat Orang Asli telah dijalankan secara meluas, Mustaffa Omar (2004) menjalankan kajian tentang penilaian kesan ekonomi berikutan pelaksanaan RPS terhadap komuniti Jakun di Mukim Bekok Segamat. Projek kerajaan negeri Johor ini dilaksanakan oleh Yayasan Pelajaran Johor pada

tahun 1996 dengan matlamat untuk membangunkan secara bersepadu, aspek social dan ekonomi Orang Asli menerusi tindakan pengumpulan dan penyusunan semula penduduk dari beberapa buah kampung.

5.3.1 **Pembangunan Secara Mapan**

Frasa pembangunan mapan banyak kali diketengahkan apabila membahaskan perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan masalah alam sekitar. Walaubagaimanapun sehingga kini, maksud serta prinsip pembangunan mapan masih lagi kabur kerana wujudnya pelbagai tarikan yang diketengahkan para pengkaji yang berlatarbelakangkan bidang kajian yang berlainan.

Definisi yang diberikan oleh Brundtland iaitu *sebagai pembangunan yang dapat memenuhi keperluan generasi pada masa kini tanpa mengabaikan keupayaan generasi akan datang dalam memenuhi keperluan mereka* definisi tersebut tetap popular dan menarik perhatian ramai penyelidik dalam usaha mengeluarkan huraian yang lebih tepat.

Blowers (1992) mengenal pasti dan menghuraikan tiga konsep daripada definisi Brundtland, iaitu pertama, konsep pembangunan, kedua, konsep keperluan, dan ketiga, konsep generasi akan datang.

Konsep pertama menyatakan pembangunan tidak boleh disamakan dengan pertumbuhan biarpun kedua-dua sering disamakan bagi menghuraikan fenomena dalam pembangunan. Pertumbuhan sering menggunakan indicator ekonomi (atau kemakmuran material), misalnya pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KDNK) atau pendapatan ber kapita, sebagai pengukur pencapaian. Sebaliknya, pembangunan mapan berbeza daripada pertumbuhan

kerana terdapat batasan terhadap fizikal atau material bumi atau sumbernya. Pembangunan mapan dilihat sebagai tindakan penyatuan bagi mencapai keseimbangan antara pembangunan material (ekonomi), sosiobudaya, pemeliharaan alam sekitar, dengan sumber alam semulajadi.

Konsep Keperluan pula ditakrifkan sebagai sesuatu pekara atau benda yang asas tetapi amat diperlukan oleh setiap orang bagi menjamin kelangsungan hidup. Konsep ini perlu dibezakan secara kemahuan atau keinginan kerana berbanding kedua-duanya, keperluan biasa berasaskan kemampuan seseorang memiliki sesuatu. Dalam konteks ini sumber alam ialah keperluan asas yang penting bagi setiap insan. Kita harus membatasi penghasilan sumber alam terutamanya yang tidak dapat diperbaharui. Dengan ketiadaan mekanisme pengurusan keperluan yang mantap, alam sekitar sudah tidak mampu mengekalkan stok dan penghasilan untuk memenuhi keperluan penduduk yang terus meningkat bilangannya. Kepincangan ini sudah pasti melebarkan lagi jurang ketidaksamaan antara golongan kaya dengan miskin.

Dalam konsep generasi akan datang, pembangunan mapan perlu memastikan keupayaan generasi akan datang mampu memenuhi keperluan mereka menerusi penjagaan dan pengurusan sumber alam secara cermat dan bijaksana. Dengan perkataan lain, dalam perkara tertentu, mereka perlu menitikberatkan faktor pemuliharaan dalam pembangunan mapan supaya sumber asli tidak mengalami kemerosotan yang ketara.

Pembangunan yang seimbang amat penting dilaksanakan bertujuan untuk memelihara tradisi masyarakat orang asli. Semua pihak yang terlibat perlu melaksanakan pembangunan dengan sebaik mungkin.

Pembangunan seimbang dengan ekosistem dapat memelihara dan memulihara tradisi lama masyarakat Orang Asli.

Pembangunan mapan ialah tranformasi yang dilakukan terhadap corak sosial dan struktur ekonomi bagi menjana keuntungan yang optimum untuk generasi pada masa kini, tanpa mengugat potensi untuk memperoleh keuntungan yang sama bagi generasimasa hadapan. Menurut ENVIS (2002), matlamat utama pembangunan mapan kearah mencapai tahap agihan kemakmuran ekonomi secara saksama dan berpatutan. Walau bagaimanapun, penekanan terhadap kemakmuran ekonomi sahaja dilihat tidak lengkap dalam mencapai matlamat kemapanan melainkan wujudnya tindakan yang saling berkaitan dengan dua komponen lain yang membentuk asas pembangunan mapan, iaitu social dan alam sekitar (Barton, 2000 ; Blowers, 1993)

Blowers (1993) menyatakan bahawa matlamat pembangunan mapan hanya akan tercapai jika wujudnya integrasi yang seimbang dan berpanjangan antara alam binaan dan alam semulajadi Perkembangan struktur ekonomi yang tinggi dan stabil perlu dilangsungkan secara saksama dengan mengambil kira keperluan pengagihan kekayaan secara seimbang terutamanya dalam mengurangkan kadar kemiskinan , merapatkan jurang antara kaya dengan miskin, serta mengurangkan kos dan risiko hidup yang boleh membebankan generasi yang akan datang.

Hubungan pembangunan dengan alam sekitar perlu wujud dalam keadaan yang seimbang (Abdul Samad Hadi, 2003), dengan usaha pembangunan harus diselaraskan bagi memelihara stok sumber alam supaya asset yang berharga terutamanya sumber yang tidak boleh diperbaharui tidak menyusut pada kadar

yang drastik sebelum sumber ganti yang lain ditemui Matlamat pembangunan mapan bukan sahaja perlu mengambil kira keperluan bagi kemakmuran hidup generasi pada masa kini dari segi ekonomi, sosial, dan pemuliharaan sumber alam malah keistimewaan ini perlu dipelihara sebagai pelaburan jangka panjang untuk generasi akan datang (Brookfield, 1989).

Menurut Cambell (1996) pembangunan mapan ialah kemampuan jangka panjang suatu sistem semulajadi untuk menghasilkan semula sumber terbabit. Sebagai contoh, kegiatan perhutanan perlu mengamalkan prinsip tanam semula selepas pembalakkan supaya stok kayu balak mampu dikekalkan menerusi penghasilan semula secara semulajadi untuk kegunaan pada masa akan datang.

5.3.2 **Pembangunan Sumber manusia**

Elemen yang berada di bawah cadangan pembangunan sumber manusia yang berdaya saing, beretika, dan berinisiatif ialah usaha pembangunan minda dan perubahan sikap supaya selaras dengan tuntutan perubahan dan kemodenan. Pembangunan secara menyeluruh mampu menerapkan nilai bantu diri, saling bermuafakat merangkumi usaha membina semangat, dan latihan kemahiran menerusi sokongan institusi. Situasi semasa menunjukkan bahawa minda dan sikap golongan tua tentang memahami tentang pentingnya perubahan dan keperluan untuk memperkasakan diri, keluarga, dan komuniti dalam mengharungi cabaran dan persaingan.

Rumusan daripada sesi perbincangan dan percambahan idea mencadangkan bahawa pembangunan sumber manusia hendaklah dilakukan mengikut

kumpulan sasar, iaitu generasi ketiga (anak atau pelajar sekolah) menerusi strategik pendidikan, generasi kedua (belia dan beliawanis) menerusi strategik dan latihan kemahiran dan kepimpinan, dan generasi pertama (dewasa dan golongan tua) menerusi strategi pengukuhan permuafakatan sekampung.

Prinsip masyarakat berilmu, generasi muda orang asli perlu sentiasa didedahkan kepada pelbagai ilmu pengetahuan supaya mampu melahirkan minat serta perasaan cintakan ilmu. Menerusi sistem pendidikan, generasi muda dipupuk untuk membentuk keperibadian dan jati diri supaya mereka dapat membesar dengan memiliki kemahiran untuk menjana kemakmuran serta mampu menghadapi cabaran.

Prinsip masyarakat cekal, komuniti mempunyai kekentalan hasil pendedahan kepada program membina jati diri, motivasi, latihan kemahiran, serta kepimpinan. Dengan ilmu dan kemahiran yang diperolehi, komuniti secara langsung mempunyai kemampuan untuk bersaing bagi memastikan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat Orang Asli lebih terjamin.

Prinsip bermuafakat, keterlibatan semua lapisan masyarakat Orang Asli dalam proses perancangan pembangunan dan sistem membuat keputusan adalah penting demi kesejahteraan komuniti terbabit

5.3.3 **Penempatan Tersusun**

Penempatan yang wujud secara berselerak menyukarkan lagi usaha untuk membangunkan kemudahan asas dan awam secara berkesan. Strategi penempatan tersusun dikenal pasti sebagai langkah terbaik dalam meningkatkan kualiti fizikal. Usaha ini mampu dicapai menerusi penyusunan

ruang secara sistematik dan mempertingkatkan penyediaan kemudahan infrastruktur di kawasan penempatan. Cadangan ke arah pewujudan penempatan tersusun perlu mematuhi prinsip pembangunan.

Prinsip kesepaduan, perancangan yang menitikberatkan aspek kejiranan, pembangunan infrastruktur, dan penyusunan ruang perlu dilaksanakan secara bersepadu bagi menjamin keharmonian dengan Alam Sekitar dan kesejahteraan penduduk. Selain itu, kemudahan mampu digunakan secara cekap dan berkesan.

Prinsip kesejahteraan komuniti, perancangan dan pembangunan yang melibatkan fizikal penempatan secara langsung perlu mengambil kira unsur keselamatan bagi menjamin kesejahteraan komuniti, mengurangkan pencemaran, dan menyediakan peluang untuk pertumbuhan ekonomi.

Prinsip identiti setempat, pembinaan komuniti Orang Asli di luar bandar perlu berorientasikan sifat toleransi yang tinggi, mempunyai identiti setempat, indah, dan bersih, berbudaya, serta mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap alam binaan dan alam semula jadi.

Selain strategi penempatan tersusun, penyediaan rumah yang berkualiti tinggi juga penting dengan beberapa aspek yang berkaitan dengan fizikal, seperti contoh pembinaan rumah moden beridentitikan seni bina Orang Asli. Penduduk tidak menolak bantuan perumahan tetapi rumah yang dibina harus mengambil kira keunikan tradisional mereka. Selain bertujuan menyediakan rumah yang berkualiti dan selesa, gabungan seni bina boleh menjadi satu daripada tarikan aktiviti pelancongan pada masa hadapan.

5.3.3 Pengurusan Alam Sekitar

Bagi memelihara alam sekitar, hasil kajian mencadangkan pewujudan zon pengurusan alam sekitar. Menggandingkan hasil daripada kajian yang dibuat oleh Karjala dan Dewhurst(2003), Buch (2003), dan Ylhaisi (2003) dengan idea penduduk, empat zon pengurusan alam sekitar dikenalpasti dan dicadangkan bagi kawasan kajian. Secara umumnya, perancangan dan pengurusan alam sekitar secara mapan perlu dilaksanakan dengan berpandukan prinsip pembangunan mapan.

Prinsip pencemar perlu membayar, dalam memajukan ekonomi, aktiviti ekonomi perlu menyumbang kepada kos pengurusan alam sekitar, misalnya memperbaiki gejala pencemaran.

Prinsip bermoral dan berertika, pembangunan ekonomi dan sosial perlu memberikan perhatian terhadap usaha memelihara kewujudan sumber alam. Akhirnya, adalah prinsip keharmonian, pembangunan ekonomi dan fizikal perlu diharmonikan dengan tindakan menjaga alam sekitar.

5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, Ilmu pengetahuan , Peribumi sebagai ilmu pengetahuan yang unik dan hanya diamalkan komuniti tertentu. Ilmu tersebut menjadi pangkalan maklumat masyarakat dan pandu arah bagi proses membuat keputusan dan komunikasi komuniti. McClure (1989) pula mendefiniskan ilmu pengetahuan Peribumi sebagai kebijaksanaan golongan tua dan terbentuk daripada perasaan untuk hidup cara bermuafakat sesama manusia dan alam. Ilmu ini dipelajari

dan digunakan oleh golongan yang terdahulu untuk mengetahui dan melihat dunia sekeliling.

Kajian ini hanya sebahagian daripada usaha awal ke arah memajukan komuniti Orang Asli. Kerangka strategi pembangunan yang seimbang diperkenalkan mampu memenuhi tuntutan profesion perancangan bandar dan wilayah, serta disesuaikan diterima pakai oleh penduduk bagi mengubah taraf hidup mereka ke arah moden dan maju tanpa menghakis identiti dan jati diri masing-masing sebagai Orang Asli, serta tidak meleyapkan mana-mana amalan kehidupan masyarakat Orang Asli.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Samad Hadi (2003), *Persekitaran Bandar yang Lebih Baik kepada Kesejahteraan Komuniti*. Kertas kerja dalam Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar dan Wilayah ke-21 15-17 September, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia,
- Azarina Basri (2003). *Pembangunan Sosio-Ekonomi Orang Asli Suku Kaum Temuan Di Bukit Cheeding, Kuala Langat Banting Selangor*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Baron, R.A. dan D. Byrne (1982), *Exploring social psychology 2nd ed.* Boston: Allyn Bacon, Inc.
- Baron, R.A. dan D. Byrne. (1991). *Social Psychology: Understanding human interaction*. Boston: Allyn Bacon, Inc.
- Barton, H. (2000). *Sustainable Communities: the Potential for Econeighbourhood*. London: Earthscan Publication Ltd.
- Benjamin, Geoffrey. 'Terminar' *Encyclopedia of World Cultures*. 1996. Encyclopedia.com. 21 Mar. 2011.
- Blowers, A. (1992). Planning a Sustainable Future: Problems, Principles and Prospects. *Journal of Town Country Planning* (May 1992)
- Blowers, A. (1993). *Planning for Sustainable Environment. Town and Country Planning Association*. London: Earthscan Publication Ltd.
- Brookfield, H. (1989) Boldness and Caution in the Face of Global Change. *Australian Geographical Studies*. 27(2): 199-207
- Buchs, W. (2003). Biotic Indicator for Biodiversity and Sustainable Agriculture- Introduction and Background. *Journal of Agriculture Ecosystem and Environment*. 9(8): 1-16.
- Campbell, S. (1996). Green Cities, Growing Cities, Just Cities? Urban Planning and the Contradiction of sustainable Development. *Journal of American Planning Association*. 62 (3): 296-312
- Carey, J. (1975) 'Orang Asli': *The Aboriginal Tribes Of Peninsular Malaysia*, Kuala Lumpur; Oxford University Press.
- Chile, Love M. & Simpson Gareth. (2004) *Spirituality and Community Development: Exploring The Linking Between The Individual And The Collective*. *Community Development Journal* 39: 318-331.

- Duncombe, Stephen .(2007). *From Culture Resistance to Community Development*. Oxford University Press and Community Development Journal 42: 490-500.
- Effat.(2001). *Two approaches to organizational analysis*. Beacoss Press; Rosten.
- ENVIS.(2002). *Sustainable Development- a Gateway*. New Dehli : Delhini. Friend, A. and D. Rapport. (1979). *Towards a Comprehensive Framework for Enviroment Statistic: A Stress- Response Approach*. Report No. 11-510. Ottawa: Statistic Canada.
- Gregory, R.J. (2003). Futures Research From the Yam Patch. *Journal of Futures*. 35: 827-838.
- Hanafiah Hj Arshad.(1989). *Persidangan Pembangunan Orang Asli Semenanjung Malaysia: Aspek Pembangunan Orang Asli Menjelang Tahun 2000*.
- Hassan Ishak. 1998. *Orang Asli dan Cabaran Pembangunan Masa Kini: Usaha dan Tindakan yang Direncanakanoleh JHEOA*. Kertas Kadangkala Bil. 8. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hughes, D.R., 1963. Senoi Temiar: dermatoglyphic data. *Man* 63 : 74. 1965. *The physical anthropology of South-east Asia; a study of some contemporary aspect of human variability in the región*. M.S Ph.D. dissertation, in University Library, Cambridge, England.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli .Buletin Asli (Bil.3.2010) (hal.06). Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Juli Edo (1990) “ *Tradisi Lisan Masyarakat Semai*”, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan ,Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juli Edo (2006). *Retorik Pembangunan Orang Asli*. Dalam Mohd Fauzi Yaacob (pnyt.). *Malaysia Menangani Perubahan dan Pembangunan*(hal.187-229). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Karjala, M. K. dan S.M. Dewhurst. 2003. Including Aboriginal Issues in Forest Planning: a Case Study in Central Interior British Columbia, Canada. *Journal of Landscape and Urban Plannning*. 64: 1-17
- Kishindo, Paul.(2001). *The Malawi Social Action Fund and Community Development*. Oxford University Press of Community Deveploment Journal 36:303-311
- Klein.(1988). *The Concept and Measurement of Neighbourhood*. Washington: US Department of Housing.
- Mar of Redzuan.(2001). *Psikologi Sosial*:Universiti Putra Malaysia ,Serdang.

- McClure. (1989). Towards a Knowledge of Local Knowledge and Its Importance for Agricultural RD and E. *Agriculture and Human Values*. 6 (3): 4-12 *mediating the impact of spatial and social density*. Dlm. Human response to crowding, sunt. Baun dan Y. Epstein. Hillsdale, H.J: Erlbaum Associates.
- Mustaffa Omar. (2004). Dampak Ekonomi daripada Rancangan Penempatan Semula Komuniti Jakun di Mukim Bekok, Segamat, Johor. Kertas Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Peringkat Kebangsaan. Unit of Research Development dan Commercialization (URDC), UiTM Johor. 21 Febuari 2004.
- Nik Mohd Zain Yussoff. (1989). Persidangan Pembangunan Orang Asli Semenanjung Malaysia, *Halangan-halangan kepada Usaha-usaha Membangunkan Masyarakat Orang Asli : Tanah dan Rezab Orang Asli*.
- Pepperdine, S. (2003). *Social Indicator Of Rural Community Sustainability: an Example from the Woody Yaloak Catcment*. University of Melbourne: Department Of Geography and Environmental Studies. Protection in Tanzania. *Journal of Environmental Science and Policy*. 6: 279-290.
- Pulido, J.S. dan G Bocco. (2003). The Traditional Farming System of a Mexican Indigenous Community: The Case of Nuevo San Juan Parangaricutiro.
- Rew, Alan & Rew Martin. (2003). *Development Model "Out Of Places": Social Reseach on Method To Improve Livelihood in Eastern India*. *Journal Of Community Development* 38: 213-224.
- Siti Nor Awang dan Juli Edo (2003). *Isu Pembangunan dan Dampak Sosial di kalangan Masyarakat Orang Asli*. Dalam Mohd Razali Agus dan Yahya Ibrahim (pnyt.). *Penilaian Dampak Sosial* (hal. 278-290). Klang: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Skeat, W.W. and Blagden, C.O., (1906). *Pagan races of the Malay Peninsula*. 2 vol. London: MacMillian and Co. (Reprinted 1966, London: Frank Cass and Co.)
- Sunaidin San Ka Chang. (1997). *Ke Arah Peningkatan Taraf Hidup Penduduk Orang Asli Simpang Arang dalam Konteks Pembangunan Bandar Nusajaya*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Surasin, J. (1996). *Indigenous Knowledge In Natural Resource Management. The case of Two Villages in Thailand*. Thesis Ph.D. University Winconsin Madison.
- Thomas, W.H. (2003). One last Change; Tapping Indigenous Knowledge to Produce Sustainable Conservation Policies. *Journal of Futures*. 35: 989-998
- Warren, D.M. (1989). *Using Indigenous Knowledge in Agricultural Development*. Washington DC: World Bank Discussion Papers 127: 46.

Wilkinson,R.J.,(1910).*The Aboriginal tribes*. Paper on Malay Subject,Supplement.Kuala Lumpur: F.M.S Goverment Press.

Ylhaisi, J. (2003). Forest Privatisation and the Role of Community in Forests and Nature Baron,R.S. and Rodin,J.1978.Perceived Control and Crowding Stress: *Proses*

Zide,Norman,H., (1966). Intoduction. *In studies in comprative Austroasiatic linguistics* (Ed.) N.H. Zide, 7-8 The Hague:Mouton and Co.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LAMPIRAN



BORANG SOAL SELIDIK TENTANG PENERIMAAN MASYARAKAT ORANG ASLI TERMIAR DI KUALA BETIS DALAM ERA PEMBANGUNAN MODEN

Berikut adalah soal selidik penilaian kesan pembangunan terhadap masyarakat Orang Asli. Soal selidik ini adalah bertujuan untuk menilai pandangan dan maklum balas masyarakat terhadap pembangunan yang dilakukan memberi kesan terhadap tradisi masyarakat Orang Asli dalam mengekalkan tradisi.

Soal selidik ini merupakan sebahagian daripada Projek Penyelidikan CFT4134 sebagai pelengkap kursus program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh pihak anda.

BAHAGIAN A: Maklumat Responden

Tanda jawapan yang sesuai

- | | | | |
|--------------|------------------------------------|--|--------------------------|
| 1) Umur | _____ Tahun | | <input type="checkbox"/> |
| 2) Jantina | <input type="checkbox"/> Lelaki | <input type="checkbox"/> Perempuan | <input type="checkbox"/> |
| 3) Suku Kaum | <input type="checkbox"/> Termiar | | <input type="checkbox"/> |
| | <input type="checkbox"/> Lain-lain | | <input type="checkbox"/> |
| 4) Pekerjaan | <input type="checkbox"/> Kerajaan | <input type="checkbox"/> Kerja sendiri | <input type="checkbox"/> |
| | <input type="checkbox"/> Swasta | <input type="checkbox"/> Pelajar | <input type="checkbox"/> |
| 5) Status | <input type="checkbox"/> bujang | <input type="checkbox"/> duda | <input type="checkbox"/> |
| | <input type="checkbox"/> berkahwin | <input type="checkbox"/> janda | <input type="checkbox"/> |

- 6) Pendapatan (jika bekerja) RM 1000 kebawah
 RM 1000 – RM 2000
 RM 2000 – RM 5000
 RM 5000 keatas

BAHAGIAN B: Pengekalan Tradisi dalam Pembangunan Moden (Respon masyarakat)

Pejabat
Tanda pilihan anda

- 1) Adakah anda peka terhadap Pembangunan di tempat anda?
 Ya Tidak
- 2) Adakah anda selesa dengan Pembangunan yang telah sedia ada?
 Ya Tidak
- 3) Adakah anda mempunyai masalah berkaitan dengan Pembangunan di tempat anda?
 Ya Tidak
- 4) Adakah anda merasakan Pembangunan Moden boleh merosakkan Tradisi Masyarakat Orang Asli?
 Ya Tidak
- 5) Adakah Pembangunan dapat membantu dalam kehidupan anda?..
 Ya Tidak
- 6) Adakah anda suka kehidupan secara Tradisi Lama.
 Ya Tidak
- 7) Adakah anda suka kehidupan secara Pembangunan Moden.
 Ya Tidak

8) Anda tidak mengambil kisah terhadap Pembangunan yang berlaku.

Ya

Tidak

BAHAGIAN C : Pengekalan Tradisi dalam Pembangunan Moden (Respon masyarakat)

Sila nyatakan

1) Apakah perubahan yang berlaku sekiranya Pembangunan Moden diteruskan ?

2) Adakah anda akan mengekalkan tradisi lama masyarakat anda jika Pembangunan Moden dilakukan?

3) Pembangunan Moden yang bagaimana seharusnya dilakukan ditempat anda untuk keselesaan masyarakat disamping mengekalkan tradisi lama?

BAHAGIAN D : Cadangan dan Pendapat

Sekiranya anda mempunyai sebarang cadangan atau pendapat, sila nyatakan dibawah.

Persediaan Oleh:

Yaakob b. Arsat (C08A101)

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan